- H3a** - Menjalin hubungan perdagangan dengan China dan India
- H3b** - Membeli barang daripada pedagang antarabangsa
- H3c** - Mengedar kepada pedagang yang datang dari kawasan sekitar dan kawasan taaluk

*Muka Surat 80*

- (b) Mengapakah penduduk kerajaan Maritim menjadi pelaut yang berjaya? [ 4 markah ]
- F1** - Didorong oleh semangat masyarakatnya untuk meneroka
- F2** - Semangat berdagang dengan masyarakat luar
- F3** - Mereka mahir membuat perahu dan kapal layar
- F4** - Perahu digunakan untuk perdagangan jarak dekat
- F5** - Kapal layar digunakan untuk perdagangan jarak jauh
- F6** - Mereka mengetahui kaedah untuk menuju kesesuaian tempat berpandukan bintang di langit

*Muka Surat 80 – 81*

- (c) Jelaskan faktor yang membantu Srivijaya menjadi kuasa maritim pada abad ke 7 hingga abad ke 13. [ 8 markah ]
- F1** - Memiliki bala tentera laut yang besar
- F2** - Dianggotai oleh pelbagai golongan rakyat termasuklah orang laut
- F3** - Tentera laut ditugaskan mengawal perdagangan di Selat Melaka
- F4** - Tentera laut mengawal keselamatan kerajaan
- F5** - Menjalankan dasar perluasan kuasa ke atas kawasan yang berhampiran
- F6** - Meluaskan kuasa di Jambi, Kedah Tua, dan pesisir pantai Sumatera
- F7** - Menguasai laluan perdagangan Selat Melaka dan Selat Sunda
- F8** - Kedudukannya strategik di Selat Melaka,
- F9** - Menjadi tempat persinggahan kapal yang berdagang
- F10** - Perdagangan di antara India dan China
- F11** - Di pelabuhan ini terdapat hasil dan barang untuk perdagangan antarabangsa
- F12** - Dibekalkan oleh kawasan pemerintahan dan kawasan taklukan
- F13** - Mampu menghasilkan kapal besar
- F14** - Menyediakan kemudahan seperti tempat membaiki kapal/tempat penginapan/penyimpanan barang
- F15** - Kemudahan mendapat bekalan makanan di kawasan pemerintahan dan wilayah taklukannya
- F16** - Pengurusan di pelabuhan yang cekap

*Muka Surat 81 - 83*

2 Konsep saling melengkapi antara kerajaan awal banyak membantu perkembangan perdagangan.

- (a) Terangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan Kerajaan Kedah Tua sebagai pusat perdagangan terpenting di Asia Tenggara. [ 8 markah ]

- F1** - Kerajaan ini adalah yang tertua
- H1a** - Menjadi pelabuhan entrepot sejak abad ke 5 Masihi.
- H1b** - Berperanan sebagai pelabuhan entrepot sebelum Melaka
- H1c** - Terbukti berdasarkan jumpaan tembikar China dari Zaman Dinasti Tang
- H1d** - Pedagang berdagang dengan banyak negara seperti China, India , Sri Lanka, Burma dan Timur Tengah
- F2** - Gunung Jerai



- H2a** - Menjadi panduan kapal dagang yang keluar dan masuk
- F3** - Kedudukannya yang strategik
- H3a** - Terletak di laluan Selat Melaka
- H3b** - Terlindung dari tiupan angin monsun
- F4** - Kemudahan
- H4a** - Menyimpan barang dagangan, /membaiki kapal, tempat berdagang/ tempat berdagang / penginapan
- F5** - Kaya
- H5a** - Kekayaan hasil hutan seperti damar/ rotan / sumber bumi seperti timah
- H5b** - Barang dagangan dari luar seperti kain kapas/ sutera/ teh / tembikar/ kaca / manik

(b) Huraikan sejarah pembentukan Kerajaan Kedah Tua

[ 8 markah ]

- F1** - Sungai Mas
- H1a** - Kerajaan Kedah Tua muncul di Sungai Mas pada abad ke 5 Masihi hingga ke 11 Masihi
- F2** - Lembah Sungai Bujang
- H2a** - Kerajaan Kedah Tua beralih ke lembah Sungai Bujang dari abad ke 11 hingga ke 13 Masihi
- F3** - Agama Buddha
- H3a** - Pada abad ke 5 hingga ke 10 penduduk Kedah Tua menganut Agama Buddha
- F4** - Agama Hindu
- H4a** - Selepas abad ke 11 Masihi penduduk Kedah Tua menganut Agama Hindu
- H4b** - Berdasarkan tinggalan candi berunsur Hindu dan Buddha
- H4c** - Berdasarkan jumpaan 9 buah candi yang dibina kembali hasil dari penyelidikan arkeologi dan arca Hindu Buddha
- F5** - Kerajaan Kalah di Sungai Takuapa
- H5a** - Terletak disebelah utara Kerajaan Kedah Tua

(c) Faktor kedudukan negara kita yang strategik banyak membantu kegiatan ekonomi.  
Jelaskan

[ 4 markah ]

- F1** - Menjadi laluan perdagangan antarabangsa
- F2** - Laluan perdagangan kekal hingga ke hari ini
- F3** - Pembinaan, penambahan dan pembaikan kemudahan Pelabuhan Kelang dan Tanjung Pelepas memberi keuntungan kepada rakyat dan negara
- F4** - Membawa keuntungan kepada zaman ini
- F5** - Melalui peningkatan hasil dari perdagangan antarabangsa
- F6** - Meningkatkan peluang pekerjaan
- F7** - Mengembalikan kegembiran masa lampau

*Muka Surat 85 - 90*

3 Penerimaan masyarakat peribumi Asia Tenggara terhadap beberapa aspek kebudayaan India khususnya sistem beraja juga didorong oleh faktor perdagangan.

(a) Jelaskan peranan raja dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal di Asia Tenggara.

[10 markah ]

- F1** - Raja sebagai ketua pemerintah
- F2** - Di bawahnya terdapat kerabat diraja dan pembesar
- F3** - Di bawahnya ahli agama atau Brahmin, rakyat dan hamba
- F4** - Raja berkuasa mutlak
- F5** - Meliputi pentadbiran / Hubungan luar/ Ketenteraan/ Khazanah negara



- F6 - Perintah raja adalah undang-undang yang wajib dilaksanakan
- F7 - Sekiranya engkar dianggap menderhaka
- F8 - Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah
- F9 - Raja adalah bayangan Tuhan
- F10 - Rakyat takut menderhaka walaupun raja tidak berlaku adil
- F11 - Dewa raja memiliki kesaktian
- F12 - Menggunakan unsur mitos dan lagenda untuk memperkuat kedudukan raja
- F13 - Raja mendirikan kompleks kota
- F14 - Melambangkan konsep alam semesta
- F15 - Dikenali sebagai orde kosmos
- F16 - Dalam pentadbiran, raja dibantu oleh pembesar
- F17 - Terdiri daripada pegawai tentera dan hakim
- F18 - Di daerah terdapat pembesar daerah atau gabenor

(b) Nyatakan ciri seni bina candi Borobudur.

[ 6 markah ]

- F1 - Dibina untuk agama Buddha Mahayana di Jawa Tengah
- F2 - Dibina sembilan tingkat
- F3 - Terdapat pagar langkan dengan relief lukisan Buddha
- F4 - Setiap tingkat melambangkan satu tahap kehidupan
- F5 - Diwakili oleh patung stupa dan patung Buddha
- F6 - Di tingkat pertama terdapat ukiran cerita kehidupan Gautama Buddha
- F7 - Bahagian paling atas dianggap sebagai tertinggi dan melambangkan tahap nirwana
- F8 - Stupa terbahagi kepada tiga tingkat
- F9 - Melambangkan tahap kehidupan iaitu sila, samadhi dan panna
- F10 - Dibina dalam masa 75 tahun

(c) Terangkan faktor yang mempengaruhi gaya patung Agama Hindu dan Buddha di Asia Tenggara

[ 4 markah ]

- F1 - Elemen India dan elemen tempatan
- H1a - Elemen India dan tempatan didapati menyamai gaya patung di Champa/Dvaravati /Srivijaya/ Sailendra/Angkor/Padang Lawas
- F2 - Gaya India
- H2a - Masa mempengaruhi gaya binaan patung India
- F3 - Pengaruh Amaravati
- H3a - Patung yang dibuat pada abad ke 3 hingga abad ke 5 Masihi mempunyai pengaruh Amaravati
- F4 - Zaman Dinasti Gupta
- H4a - Patung yang dibuat pada abad ke 5 hingga abad ke 7 Masihi mempunyai pengaruh Zaman Dinasti Gupta

Muka Surat 92 - 94

4 (a) Huraikan kepentingan bahasa Sanskrit pada zaman kerajaan awal di Asia Tenggara

[ 10 markah ]

- F1 - Bidang intelek
- H1a - Bahasa Sanskrit telah meningkatkan pencapaian dalam bidang intelek masyarakat
- C1a - Contohnya Batu Bersurat di tapak –tapak sejarah awal di Asia Tenggara
- F2 - Maklumat



- H2a - Bahasa Sanskrit di Batu Bersurat mengandungi maklumat tentang agama/pemerintahan /raja / undang-undang
- C2a - Contohnya Batu Bersurat di Kutei/ Sungai Mas / Palembang
- F3 - Keturunan
- H3a - Batu Bersurat Kutei menjelaskan tentang keturunan raja
- F4 - Ajaran Buddha
- H4a - Batu Bersurat Sg.Mas ( Kedah Tua ) berkaitan dengan ajaran Buddha
- F5 - Kemahiran yang tinggi
- H5a - Pemerintahan dan amaran raja dipahat pada batu dan pemahatan memerlukan kemahiran yang tinggi
- C5a - Contohnya Inskripsi di Palembang ditulis dalam bahasa Melayu Kuno dan dipahat
- H5b - Penulis mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Sanskrit
- H5c - Kemahiran yang tinggi diperlukan agar tulisan dapat dibaca dan batu tidak pecah sewaktu dipahat
- F6 - Arahan dan pemberitahuan
- H6a - Terdapat pada Batu Bersurat yang ditemui di Lembah Bujang dan tempat-tempat lain di Asia Tenggara
- H6b - Arahan dan pemberitahuan ditujukan oleh pemerintah kepada rakyat
- F7 - Bahasa keagamaan
- H7a - Bahasa Sanskrit merupakan bahasa keagamaan
- C7a - Contohnya kitab-kitab berkaitan keagamaan
- F8 - Bahasa berkaitan pemerintah dan ilmu
- H8a - Banyak perkataan bahasa Sanskrit kekal dalam bahasa Melayu dan bahasa lain di Asia Tenggara
- H8b - Sesetengah perkataan mengalami penyesuaian dengan bahasa Melayu yang ada pada hari ini
- C8a - Contohnya seperti dosa/ duka/ manusia / pahala/derhaka/sengsara/rupa/ huruf
- F9 - Bidang kesusasteraan
- H9a - Pengaruh India terhadap Asia Tenggara dapat dikesan melalui peranan Bahasa Sanskrit
- C9a - Contohnya Kitab Sastera Hindu/ Buddha / Tamil
- F10 - Bahasa ilmu dan komunikasi
- H10a - Bahasa Sanskrit berkembang menjadi bahasa ilmu dan komunikasi kerajaan awal di Asia Tenggara

(b) Jelaskan kesan penggunaan bahasa Sanskrit dalam bidang kesusasteraan di Asia Tenggara.

[ 6 markah ]

- F1 - Pengaruh India melalui peranan bahasa Sanskrit terdapat dalam kitab sastera Hindu/Buddha /Tamil
- F2 - Epik Ramayana dan Mahabharata menyumbang kepada penggunaan unsur mitos
- F3 - Mempengaruhi kesusasteraan klasik
- F4 - Banyak digunakan dalam puisi dan prosa Jawa seperti Nagarakertagama/ Sutasoma/ Arjunwiwaha / Kunjarkarna
- F5 - Masyarakat terdedah kepada cerita dalam epik Ramayana dan Mahabhrata
- F6 - Bahasa Sanskrit digunakan dalam penceritaan lisan
- F7 - Disampaikan melalui teater seperti wayang kulit
- F8 - Mahabharata melahirkan naskhah yang diadun dengan unsur tempatan
- F9 - Menghasilkan Hikayat Pendawa Lima/ Hikayat Pendawa Jaya/ Hikayat Sang Samba
- F10 - Penulisan Epik Ramayana melahirkan Hikayat Seri Rama

(c) Nyatakan kesan persahabatan antara kerajaan awal Asia Tenggara dengan kuasa luar.

[ 6 markah ]

- F1 - Lahir kebudayaan yang merupakan adunan antara kebudayaan India dengan



- kebudayaan Asia Tenggara**
- F2** - Masyarakat yang inovatif dalam menerajui kehidupan
- F3** - Kerajaan awal dapat mempertahankan kemerdekaannya sehingga kedatangan Barat
- F4** - Mewujudkan sifat inovatif dan reaktif
- F5** - Mereka mempelbagaikan kebudayaan dan kehidupan masyarakat di Tanah Melayu
- F6** - Masyarakat lebih terbuka minda
- F7** - Mempunyai sikap toleransi yang tinggi
- F8** - Memastikan kehidupan yang harmoni di dalam Negara masih dapat dipelihara
- F9** - Pergeseran dan perselisihan yang berlaku tidak berpanjangan dan dapat diatasi dengan bijaksana

#### BAB 4 : KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH

*Muka surat 99-102*

|           |                                 |                                |
|-----------|---------------------------------|--------------------------------|
| Tarikh    | 300 M                           | 570M                           |
| Peristiwa | <b>Pecahnya Empangan Maarib</b> | <b>Kelahiran Nabi Muhammad</b> |

1. Rajah di atas merujuk jangka masa zaman Jahiliah.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Jahiliah?
- **Jahil**
  - **Tidak mengetahui**
  - **Tidak mempunyai ilmu pengetahuan**
- [ 1 markah ]
- (b) Senaraikan ciri sosial masyarakat Arab Jahiliah.
- **Berjudi**
  - **Berzina**
  - **Minum arak**
  - **Pembunuhan bayi perempuan**
  - **Lelaki berkahwin ramai sekaligus**
- [ 3 markah ]
- (c) Nyatakan kepercayaan / agama dalam masyarakat ketika itu.
- **Agama wathani**
  - **Agama animisme**
  - **Agama samawi**
  - **Agama Hanif**
  - **Kepercayaan menilik nasib/sihir dan mempercayai roh orang mati menjadi burung**
- [ 3 markah ]
- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan corak kehidupan masyarakat yang diamalkan.
- **Hidup berpuak-puak dan berkelompok**
  - **Mengamalkan sistem kabilah**
  - **Ahlinya terdiri daripada suku-suku tertentu**
  - **Mereka tinggal dalam satu kawasan**
  - **Setiap kabilah mempunyai identiti sendiri**
  - **Taksub dan fanatik terhadap kabilah masing-masing**
- [ 3 markah ]



Muka surat 108-109

2

Wahyu kedua yang diturunkan adalah Surah al- Muddasir, ayat 1-7

(a) Apakah kepentingan surah di atas terhadap penyebaran Islam?

- Pengisytiharan Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasulullah
- Mewajibkan Nabi Muhammad S.A.W menyampaikan Islam kepada seluruh manusia

[ 2 markah ]

(b) Siapakah golongan yang menerima dakwah Islamiah secara rahsia daripada Nabi Muhammad S.A.W di Kota Makkah?

- Kaum kerabat
- Sahabat handai
- Ahli keluarga

[ 2 markah ]

(c) Namakan tokoh terawal yang memeluk Islam.

- Ali b Abu Talib
- Zaid b Harithah
- Abu Bakar al - Siddiq
- Khatijah bt Khuwailid

[ 2 markah ]

(d) Bagaimanakah cara Nabi Muhammad s.a.w menjalankan dakwah secara terbuka kepada keluarga Abdul Muttalib?

- Bermusyawarah dengan para sahabat
- Mengadakan majlis ceramah di rumah Ali bin Abu Talib
- Menerangkan tentang Islam

[ 2 markah ]

(e) Jelaskan dakwah Islamiah secara terbuka kepada orang ramai.

- Dilakukan di Bukit Safa
- Dihadiri oleh semua ketua pentadbir / pembesar kota Makkah
- Ketua pentadbir Bani Abdul Muttalib/Bani Zuhrah/Bani Tamim/Bani Makhzum/Bani Asad
- Berlaku perbahasan hebat antara Nabi Muhammad s.a.w dengan Abu Lahab
- Abu Lahab menghina Nabi Muhammad s.a.w sehingga terganggu dakwah yang disampaikan

[ 2 markah ]

Muka surat 110-112

Reaksi masyarakat Arab terhadap Islam

Menerima

Menentang

3 Rajah di atas menunjukkan reaksi masyarakat Arab Quraisy terhadap agama Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.



- (a) Dari segi politik, mengapakah mereka menentang ajaran Islam?

  - **Tanggapan yang salah terhadap nabi**
  - **Menggugat pengaruh dan kedudukan**
  - **Terpaksa tunduk kepada kepimpinan Nabi Muhammad**
  - **Bersaing untuk menjadi ketua kabilah**

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan cara penentangan orang Arab Quraisy terhadap Nabi Muhammad s.a.w.

  - **Mengejek ajaran Islam melalui puisi**
  - **Tohmahan dan tuduhan kepada nabi**
  - **Pemulauan terhadap nabi dan keluarga**
  - **Pujukan dengan menawarkan kedudukan, wanita cantik dan harta**

[ 2 markah ]

(c) Apakah bentuk pemulauan yang dilakukan terhadap keluarga baginda?

  - **Tidak menjalankan aktiviti jual beli kepada keluarga Nabi**
  - **Tidak memberi sebarang pertolongan kepada Nabi**
  - **Tidak berkahwin dengan ahli keluarga Nabi**

[2 markah ]

(d) Mengapakah ajaran Islam diterima oleh orang ramai?

  - **Kemurnian ajarannya**
  - **Kebijaksanaan nabi berdakwah**
  - **Nabi berdakwah dengan lemah lembut/berhikmah**
  - **Tidak memaksa mereka memeluk agama Islam**
  - **Membaca ayat Al-Quran untuk memjawab pertanyaan para sahabat**
  - **Menunjukkan teladan yang baik**
  - **Konsep persamaan taraf**
  - **Pesaudaraan Islam**
  - **Keperibadian nabi sebagai al-amin/memiliki sifat-sifat terpuji**
  - **Memujuk dengan menggunakan akal yang dianugerahi Allah**

[ 2 markah ]

(e) Pada pendapat anda, mengapakah Nabi Muhammad s.a.w tidak pernah berputus asa terhadap apa sahaja dugaan dan rintangan yang ditempuhi?

  - **Kesabaran**
  - **Kecekalan**
  - **Sifat tidak pernah mengalah**
  - **Memikirkan strategi baru**

[ 2 markah ]

ITEM ESEI

Muka Surat 105-108

- 1 Nabi Muhammad mendapat gelaran al -Amin kerana perkataan dan perbuatannya

(a) Jelaskan tentang gelaran al-Amin oleh masyarakat Arab Quraisy kepada Nabi Muhamad s.a.w. [ 5 markah ]

F1 - **Perkataan sentiasa dipercayai**

- F2** - Perbuatan sentiasa dipercayai
- F3** - Tidak pernah berbohong / berkata benar / siddiq
- F4** - Panggilan al-Amin telah menjadi sebat dalam masyarakat Arab sehingga panggilan Muhammad tidak digunakan
- F5** - Baginda seorang yang amanah / bersifat amanah
- F6** - Khadijah bt Khuwailid menyerahkan baginda modal yang besar untuk diperniagakan
- F7** - Menyampaikan ajaran Islam dengan bersungguh-sungguh setelah menjadi rasul
- F8** - Bijaksana dalam menyelesaikan masalah
- F9** - Menyelesaikan masalah perletakkan hajar aswad

- (b) Setelah menerima wahyu ke-2, Nabi Muhammad s.a.w menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Arab di Makkah secara berperingkat. Jelaskan perkembangan penyebaran dakwah Islamiah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w pada peringkat pertama.

[ 10 markah ]

- F1** - Dikenali secara rahsia
- F2** - Berlangsung selama tiga tahun
- F3** - Ditujukan kepada ahli keluarga
- F4** - Sahabat rapat
- F5** - Kaum kerabat
- F6** - Islam masih baru dikenali
- F7** - Mengelakkan penentangan yang boleh menghancurkan asas Islam
- F8** - Mereka yang awal memeluk Islam ialah Khadijah Khuwailid / Ali bin Abu Talib / Zaid bin Harith / Abu Bakar Al-Siddiq
- F9** - Golongan hamba seperti Bilal bin Rabah / Amir Fuhairah / keluarga Yasir / Zunainah
- F10** - Melalui Abu Bakar al-Siddiq, Islam disebar kepada beberapa orang tokoh Quraisy
- F11** - Al-Arqam telah menjadikan rumahnya sebagai pusat kegiatan Islam yang pertama di Makkah
- F12** - Bilangan pengikut Islam peringkat awal kecil
- F13** - Merupakan kejayaan besar kepada Nabi Muhammad s.a.w kerana Islam merupakan ajaran baru
- F14** - Kejayaan penyebaran Islam terletak pada ketinggian akhlak nabi Muhammad s.a.w
- F15** - Kejujuran para sahabat

- (c) Huraikan keperibadian Nabi Muhammad s.a.w sebagai seorang pemimpin yang unggul.

[ 5 markah ]

- F1** - Menyelesaikan persengketaan dikalangan kabilah
- F2** - Pengasih dan timbang rasa
- F3** - Walaupun kedudukan baginda tinggi dan dihormati oleh masyarakat tetapi baginda sentiasa rendah diri
- F4** - Menyayangi orang tua dan kanak-kanak
- F5** - Memafikan orang Arab Quraisy yang menyerah diri semasa pembukaan semula kota Makkah
- F6** - Bijak menyelesaikan masalah
- F7** - Mengamalkan cara hidup sederhana
- F8** - Baginda sering memikirkan tentang kehidupan masyarakat disekeliling yang tidak bermoral dan taksub dengan amalan jahiliah

Muka Surat 109-111

- (a) Bagaimanakah cara Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan Islam secara terbuka?  
[ 6 markah ]
- F1 - Dakwah secara terbuka kepada keluarga Abdul Mutalib  
F2 - Dilakukan setelah turunnya ayat al-quran meminta baginda menyebarkan Islam kepada kaum kerabat  
F3 - Baginda bermesyuarat dengan para sahabat  
F4 - Mengadakan ceramah di rumah Ali B Abu talib  
F5 - Baginda menerangkan tentang Islam  
F6 - Terdapat ahli keluarga yang menerima dan menolak  
F7 - Dakwah secara terbuka kepada orang ramai di Bukit Safa  
F8 - Dihadiri oleh kesemua ketua pentadbir / pembesar kota Makkah  
F9 - Ketua pentadbir Bani Abdul Muttalib/Bani Zuhrah/Bani Tamim/ Bani mahzum/Bani Assad  
F10 - Berlaku perbahasan hebat antara Nabi Muhammad s.a.w dengan Abu Lahab  
F11 - Abu Lahab menghina Nabi Muhammad s.a.w sehingga terganggu dakwah yang disampaikan

- (b) Jelaskan cara yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w sehingga menyebabkan orang ramai mudah tertarik kepada Islam?  
[ 8 markah ]

- F1 - Memberikan layanan yang sama kepada semua manusia  
F2 - Kemurnian ajaran Islam  
F3 - Kebijaksanaan Nabi Muhammad berdakwah  
F4 - Nabi Muhammad s.a.w berdakwah secara lemah lembut dan berhikmah  
F5 - Tidak memaksa orang ramai memeluk Islam memujuk mereka  
F6 - Nabi Muhammad membandingkan antara akhlak Arab jahiliah dengan nilai akhlak yang disaran oleh Islam  
F7 - Nilai akhlak Islam lebih murni dan membawa kesejahteraan hidup  
F8 - Nilai akhlak Jahiliyah tidak bermoral dan menjadikan kehidupan kucar-kacir  
F9 - Nabi memberikan penerangan/menunjuk tauladan yang baik  
F10 - Memujuk dengan menggunakan akal  
F11 - Nabi membacakan ayat al-Quran untuk menjawab pertanyaan para sahabat  
F12 - Kesederhanaan hidup yang diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w  
F13 - Sikap merendah diri  
F14 - Baginda menanam keimanan yang kuat kepada pengikutnya  
F15 - Kesabaran dan pengorbanan yang tinggi  
F16 - Tidak menggunakan harta dalam berdakwah  
F17 - Keperibadian Nabi Muhammad s.a.w / terkenal sebagai orang yang berakhlik mulia  
F18 - Kata-kata baginda sentiasa dipercayai / tidak pernah berbohong

- (c) Pada pendapat anda, apakah sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin negara?  
[ 6 markah ]

- F1 - Merendahkan diri walaupun kedudukan yang tinggi  
F2 - Bijaksana dalam menyelesaikan masalah  
F3 - Kewibawaan/Kepimpinan dalam mentadbir negeri  
F4 - Memiliki sifat amanah / melaksanakan amanah  
F5 - Cekap semasa menjalankan tugas sebagai pemimpin  
F6 - Sabar  
F7 - Jujur  
F8 - Adil dalam tindakan  
F9 - Berkaliber  
F10 - Gigih



**F11 - Mana-mana jawapan yang munasabah***Muka Surat 111-113*

- 3(a) Nyatakan faktor penentangan orang Arab Quraisy Makkah terhadap ajaran Islam? [ 8 markah ]
- F1** - Perbezaan dari segi kepercayaan dan amalan antara orang Quraisy dengan Islam
  - F2** - Ajaran Islam berasaskan kepercayaan kepada Allah
  - F3** - Arab Quraisy mempercayai/mengamalkan tradisi turun temurun/menyembah patung berhala/mempercayai animisme
  - F4** - Ajaran Islam menyarankan prinsip persamaan taraf sesama manusia
  - F5** - Islam menyarankan prinsip persamaan taraf sesama manusia
  - F6** - Bertentangan dengan konsep assabiah yang menjadi pegangan masyarakat Quraisy
  - F7** - Arab jahiliah mewujudkan perbezaan darjah antara golongan atasan dengan bawahan
  - F8** - Arab Quraisy menolak konsep persaudaraan Islam
  - F9** - Nilai hidup yang berbeza antara Islam dan Quraisy
  - F10** - Amalan /akhlak yang keji /mencuri/menindas yang menjadi kebiasaan mereka dilarang sama sekali dalam Islam
  - F11** - Arab Quraisy mempunyai tanggapan yang salah terhadap tugas Nabi
  - F12** - Mereka menganggap jika mereka menerima agama Islam ,mereka terpaksa tunduk kepada kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w dalam semua aspek
  - F13** - Mengugat pengaruh / kedudukan ketua Arab Quraisy di Makkah
  - F14** - Mengugat ekonomi orang arab Quraisy
  - F15** - Perusahaan mengukir patung berhala terjejas
  - F16** - Pernigaan patung berhala terjejas
- (b) Nyatakan cara-cara penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Arab Quraisy terhadap Islam. [ 7 markah ]
- F1** - Nabi Muhammad s.a.w. dicemuh dan diganggu semasa beribadat
  - F2** - Diletakkan benda kotor ditengkuk
  - F3** - Penyair Quraisy mengejek ajaran Islam melalui puisi
  - F4** - Memujuk Nabi Muhammad s.a.w. meninggalkan dakwah Islamiah
  - F5** - Menawarkan harta/kedudukan /wanita cantik
  - F6** - Memulaukan Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarga baginda
  - F7** - Mengantungkan pemulauan di dinding kaabah
  - F8** - Tidak menjalankan aktiviti jual beli kepada keluarga baginda
  - F9** - Tidak memberi sebarang pertolongan kepada Nabi Muhammad s.a.w
  - F10** - Tidak berkahwin dengan ahli keluarga Nabi Muhammad s.a.w
  - F11** - Merancang untuk membunuhi Nabi Muhammad s.a.w
- (c) Jelaskan strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengurangkan tekanan dan penindasan daripada masyarakat Arab Quraisy. [ 5 markah ]
- F1** - Mereka yang berada diminta memberi bantuan kepada golongan yang ditindas dan diseksa oleh orang Quraisy
  - F2** - Nabi Muhammad s.a.w membenarkan umat Islam berhijrah ke Habsyah untuk mendapatkan perlindungan
  - F3** - Penghijrahan ini merupakan hijrah pertama yang dilakukan oleh orang Islam
  - F4** - Nabi Muhammad s.a.w merancang ke Taif untuk menyebarkan Islam di sana
  - F5** - Nabi Muhammad s.a.w mengarahkan Islam berhijrah ke Madinah
  - F6** - Nabi Muhammad s.a.w memikirkan strategi baru untuk menyebarkan agama Islam
  - F7** - Nabi Muhammad s.a.w bersama Zaid bin Harithah cuba menyebarkan agama Islam di luar Makkah

- F8 - Nabi Muhammad s.a.w berdakwah dengan sabar/cekal/tidak pernah mengalah  
 F9 - Tabah/bijak dalam menangani cabaran  
 F10 - Memenuhi jemputan suku Aus dan khazraj  
 F11 - Mendirikan sebuah kerajaan Islam di Madinah

## BAB 5 : KERAJAAN ISLAM DI MADINAH

### Item Struktur

*Muka surat 119-121*

- 1 Perjanjian Aqabah telah membawa kepada peristiwa hijrah orang-orang Islam pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September tahun 622 M.
- (a) Apakah maksud hijrah?
- Berpindah
  - Perpindahan orang Islam dari kota Makkah ke Madinah
  - Meninggalkan keburukan untuk menegakkan kebenaran
  - Semangat ingin berubah dari segi sikap, tingkahlaku (dan sebagainya yang munasabah)
- [ 2 markah ]
- (b) Berikan **dua** bukti untuk menyangkal tafsiran orientalis Barat bahawa hijrah merupakan suatu pelarian.
- Nabi dan orang Islam dijemput oleh orang Arab Madinah
  - Nabi dan orang Islam disambut dengan rela dan meriah
  - Nabi dan orang Islam diberi tempat tinggal
  - Nabi dan orang Islam dijamin keselamatannya
  - Nabi Muhammad dilantik sbg pemimpin Madinah
- [ 3 markah ]
- (c) Namakan individu yang membantu Nabi Muhammad s.a.w semasa melakukan hijrah ke Madinah?
- Ali bin Abu Talib
  - Abu Bakar al-Siddiq
  - Abdullah bin Arqat
  - Asma' binti Abu Bakar
  - Amir bin Fuhair
- [ 2 markah ]
- (d) Nyatakan faktor yang mendorong berlakunya hijrah ke Madinah.
- Perintah Allah menerusi wahyu
  - Nabi ingin meneruskan penyebaran Islam di Madinah
  - Ancaman org Arab Quraisy Makkah menjelaskan aktiviti penyebaran Islam di Makkah
  - Suasana aman di Madinah memudahkan penyampaian dakwah Islamiah
  - Dijemput oleh masyarakat Arab Madinah yang menghadapi pelbagai konflik
  - Nabi ingin mendamaikan masyarakat Madinah yang sentiasa bermusuhan
- [ 2 markah ]



**KBKK**

(e) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu melakukan hijrah dalam kehidupan kita?

- **Menegakkan kebenaran**
- **Meninggalkan keburukan / kejahatan**
- **Mencapai kejayaan**
- **Jawapan lain yang sesuai**

[ 1 markah ]

*Muka surat 129-131*

- Semenanjung Tanah Arab
- Rom
- Rom Timur
- Parsi
- Mesir
- Habsyah

2 Islam tidak disebarluaskan ke kawasan-kawasan di atas melalui peperangan tetapi melalui beberapa strategi yang diatur oleh Nabi Muhammad s.a.w

(a) Nyatakan **dua** cara yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w untuk menyebarkan Islam.

- **Menghantar perutusan**
- **Menyeru memeluk Islam menerusi warkah**
- **Tidak memaksa memeluk Islam**
- **Menggunakan diplomasi**
- **Menunjukkan nilai-nilai yang baik**
- **Mewujudkan persefahaman dengan wilayah-wilayah luar**

[ 2 markah ]

(b) Nyatakan situasi yang membenarkan peperangan dalam Islam.

- **Mempertahankan diri / apabila diserang**
- **Mencari keamanan**
- **Menjaga tempat ibadat**
- **Menjaga maruah negara**
- **Menentang kezaliman**
- **Mempertahankan maruah agama**
- **Mempertahankan maruah bangsa**

[ 2 markah ]

(c) Namakan **dua** peperangan yang berlaku di antara orang Islam Madinah dan orang Quraisy Makkah.

- **Perang Badar**
- **Perang Uhud**
- **Perang Khandak**
- **Perang Tabuk**

[ 2 markah ]

(d) Berikan **dua** bukti Islam berkembang secara sukarela dan toleransi.

- **Nabi Muhammad s.a.w mengampunkan tawanan Arab Quraisy dalam**



**peperangan Badar**

- Tentera Islam dilarang membunuh sesuka hati dalam peperangan
- Peperangan antara orang Islam Madinah dengan pihak Quraisy Makkah adalah untuk mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara
- Islam berkembang meluas selepas Perjanjian Hudaibiyah iaitu semasa dalam tempoh aman

[ 2 markah ]

**KBKK**

- (e) Pada pendapat anda, mengapakah peperangan pada masa sekarang perlu dielakkan?

- **Kemusnahan yang berlaku lebih besar**
- **Kedua-dua belah pihak mengalami kerugian / kemusnahan**
- **Peperangan akan melibatkan banyak negara / pihak**
- **Jawapan lain yang sesuai**

[ 2 markah ]

**Muka surat 131-133**

- 3 Percubaan orang-orang Islam Madinah untuk menziarahi Makkah pada tahun 628 M telah membawa kepada terhasilnya Perjanjian Hudaibiyah antara penduduk Islam Madinah dengan pihak Quraisy Makkah.

- (a) Apakah tujuan orang-orang Islam Madinah mahu menziarahi kota Makkah pada tahun tersebut?

- **Mengunjungi Kaabah yang menjadi pusat ibadat orang Islam**
- **Makkah merupakan tempat asal bagi orang Muhajirin**
- **Nabi Muhammad s.a.w ingin mengerjakan umrah.**

[ 1 markah ]

- (b) Mengapakah Uthman bin Affan dipilih untuk dihantar ke Makkah setelah rombongan orang Islam dihalang memasuki kota Makkah?

- **Mempunyai ramai saudara mara di Makkah**
- **Bersifat lebih matang berbanding sahabat lain**
- **Usia yang lebih tua berbanding sahabat lain**
- **Sifatnya yang lemah lembut**
- **Mempunyai sikap tolak ansur**

[ 2 markah ]

- (c) Nyatakan **dua** perkara yang dipersetujui antara Nabi Muhammad s.a.w dengan pihak Quraisy Makkah dalam Perjanjian Hudaibiyah

- **Bersetuju mengadakan gencatan senjata selama 10 tahun**
- **Kabilah Arab yang lain bebas memihak kpd org Islam Madinah atau orang Quraisy Makkah**
- **Orang Islam hanya boleh mengerjakan umrah pada tahun berikutnya**
- **Orang Madinah yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan ke Madinah**
- **Orang Makkah yang memihak ke Madinah tanpa kebenaran penjaganya perlu dipulangkan ke Makkah.**

[ 2 markah ]

- (d) Apakah kepentingan Perjanjian Hudaibiyah?

- **Orang Islam berpeluang menunaikan haji pada tahun berikutnya**

- Tempoh perdamaian membolehkan Nabi merangka program dakwah Islamiah ke seluruh Semenanjung Tanah Arab secara aman
- Suku Arab boleh menganut sebarang agama tanpa halangan mana-mana pihak
- Islam dapat berkembang dengan meluas
- Selepas 2 tahun Perjanjian Hudaibiyah bilangan yang memeluk Islam bertambah
- Kandungan Perjanjian Hudaibiyah menggambarkan Islam tersebar dengan aman
- Melambangkan ketokohan Nabi sebagai pemimpin yang unggul dan dikagumi
- Persetujuan orang Quraisy Makkah menandatangani perjanjian menunjukkan mereka mengiktiraf kerajaan Islam Madinah
- Perjanjian Hudaibiyah menjadi perintis ke arah pembukaan semula kota Makkah kerana orang Quraisy Makkah telah melanggar isi perjanjian

[ 3 markah ]

#### *KBKK*

- (e) Apakah iktibar yang boleh dicontohi daripada peristiwa Perjanjian Hudaibiyah?

- Menggunakan kebijaksanaan dalam menyelesaikan sesuatu perkara
- Menggunakan cara perundingan untuk menyelesaikan masalah
- Mematuhi sesuatu perjanjian yang telah dibuat/tidak mungkir janji dalam perkara yang telah dipersetujui
- Bersikap tidak menyerah kalah dalam mengharungi cabaran
- Mana-mana jawapan yang munasabah

[ 2 markah ]

#### **Item Esei**

*Muka surat 134-137*

- 1 Pembukaan semula kota Makkah pada 8 Hijrah bersamaan tahun 622 M. telah membawa kepada kepesatan perkembangan Islam

- (a) Mengapa Nabi Muhammad s.a.w membuka semula kota Makkah?

[ 6 markah ]

- F1 - Tempat kelahiran Nabi Muhammad s.a.w  
 F2 - Tempat lahirnya agama Islam  
 F3 - Pihak Arab Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah  
 F4 - iaitu tidak menghormati hak kebebasan yang dipersetujui bersama  
 F5 - dengan membunuh beberapa orang Bani Khuza'ah yg berpihak kpd Islam  
 F6 - Sebagai strategi jangka panjang utk meneruskan penyebaran Islam  
 F7 - Memantapkan kedudukan kerajaan Islam Madinah  
 (b) Apakah faktor kejayaan pembukaan semula kota Makkah?

[ 6 markah ]

- F1 - Nabi memasuki kota Makkah secara bijak  
 F2 - Berpegang kepada prinsip aman tanpa kekerasan  
 F3 - Pengislaman bapa saudara Nabi Muhammad s.a.w / al-Abbas  
 F4 - Pengislaman ketua Arab Quraisy / Abu Suffian  
 F5 - Tektik mengepung kota Makkah  
 F6 - Menerusi empat arah berlainan  
 F7 - Arah utara, selatan, barat dan barat daya Makkah  
 F8 - Nabi member jaminan keselamatan kepada mereka yang terkepung  
 F9 - Semangat ketakwaan dan keyakinan tentera Islam

- (b) Nyatakan kesan pembukaan semula kota Makkah.




[ 8 markah ]

- F1 - Kaabah terpelihara daripada unsur-unsur jahiliah
- F2 - Penyembahan berhala dihapuskan selama-lamanya
- F3 - Digantikan dengan Islam
- F4 - Masyarakat Islam mula mendalami ilmu pengetahuan Islam
- F5 - Kota Makkah dijadikan kota suci umat Islam
- F6 - Menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia untuk mengerjakan ibadat.
- F7 - Membuktikan negara Islam yang dibentuk di Madinah begitu kukuh sehingga dapat membuka kota Makkah
- F8 - Menjadi pembuka jalan bagi penyebaran Islam ke seluruh Tanah Arab
- F9 - Dakwah Islamiah dapat disebarluaskan secara aman
- F10 - Mewujudkan pemerintahan Islam yang kuat berpusat di Madinah

*Muka surat 132-133*

2



- (a) Ceritakan peristiwa yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiayah.  
[ 8 markah ]

- F1 - Orang Islam bercadang untuk menziarahi Makkah
- H1a - untuk menunaikan umrah
- F2 - Umat Islam disekat di Hudaibiayah
- H2a - orang Arab Quraisy bimbang maruah tercabar
- H2b - kekuatan orang Islam
- F3 - Nabi Muhammad s.a.w menghantar Saidina Uthman bin Affan ke Makkah
- H3a - untuk menerangkan tujuan kedatangan mereka
- F4 - Orang Islam mendengar khabar angin kematian Uthman bin Affan
- H4a - orang Islam bersumpah setia
- H4b - dikenali sebagai "Baiah al-Ridwan"
- F5 - Orang Arab Quraisy berasa bimbang terhadap kata sepakat orang Islam
- H5a - untuk membela kematian Uthman bin Affan
- F6 - Pihak Arab Quraisy menghantar Suhail bin Amru
- H6a - berunding dengan Nabi Muhammad s.a.w.
- F7 - Menghasilkan Perjanjian Hudaibiayah
- H7a - Antara pihak Islam dengan Arab Quraisy di Hudaibiayah pada tahun 628M bersamaan 6H

- (b) Jelaskan kepentingan Perjanjian Hudaibiayah  
[ 8 markah ]

- F1 - Orang Islam berpeluang menunaikan haji pada tahun berikutnya
- F2 - memberikan kebebasan kepada orang Islam memasuki Makkah
- F3 - seterusnya beribadat di Kaabah pada bila-bila masa
- F4 - Membolehkan Nabi Muhammad s.a.w merangka program dakwah Islamiah ke seluruh Semenanjung Tanah Arab secara aman
- F5 - Suku Arab boleh menganut sebarang agama yang mereka sukai tanpa halangan mana-mana pihak
- F6 - Islam dapat berkembang dengan meluas
- F7 - Bilangan yang memeluk Islam berganda bilangannya
- F8 - Menggambarkan Islam tersebar dengan aman



- F9 - Islam memperolehi keuntungan jangka panjang  
 F10 - Pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy iaitu Khalid bin Al-Walid, Amru bin Al-As dan Uthman bin Talhah  
 F11 - Melambangkan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin yang unggul dan dikagumi  
 F12 - Pengiktirafan kepada kerajaan Islam Madinah

**KBKK**


- (c) Pada pandangan anda, mengapakah perjanjian Hudaibiyah ini menggambarkan kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w.

[ 4 markah ]

- F1 - Kabilah lain bebas memihak sama ada kepada orang Islam atau Quraisy  
 F2 - Ramai kabilah Arab berpihak kepada Islam  
 F3 - Orang Islam yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan kerana mereka akan menjadi masalah kepada orang Islam di Makkah  
 F4 - Orang Quraisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa kebenaran penjaganya perlu dipulangkan semula  
 F5 - golongan ini akan mempengaruhi perkembangan Islam di Makkah  
 F6 - Ramai tokoh Quraisy telah memeluk Islam  
 F7 - Antaranya Khalid bin al-Walid, Amru bin al-As, Uthman bin Talhah  
 F8 - Orang Arab Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam Madinah

*Muka surat 118-119/127-128*

3



- (a) Apakah isi perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua

[ 7 markah ]

- Perjanjian Aqabah Pertama  
 F1 - Suku Aus dan Khazraj hendaklah beriman kepada Allah dan rasul  
 F2 - Mereka berjanji akan membantu perjuangan Nabi Muhammad s.a.w  
 F3 - Tidak akan melakukan amalan jahiliyah  
 F4 - seperti mencuri, minum arak dan membunuh bayi perempuan  
 Perjanjian Aqabah Kedua  
 F5 - Suku Aus dan Khazraj memeluk Islam  
 F6 - Mengukuhkan lagi taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w  
 F7 - Suku Aus dan Khazraj menjemput Nabi Muhammad s.a.w dan orang Islam di Makkah berhijrah ke Madinah  
 F8 - Mereka secara sukarela akan menyediakan tempat tinggal  
 F9 - Menjanjikan keselamatan untuk baginda dan orang Islam Makkah  
 F10 - Menyatakan kesediaan mempertahankan Islam

- (b) Jelaskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah.

[ 7 markah ]

- F1 - Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin di Madinah/ketua Negara  
 F2 - Nabi Muhammad s.a.w sebagai hakim  
 F3 - Masyarakat Madinah bebas mengamalkan agama masing-masing  
 F4 - Setiap individu mestilah menghormati agama yang dianuti orang lain  
 F5 - Nabi Muhammad saw tidak pernah memaksa mereka yang bukan Islam memeluk Islam  
 F6 - Masyarakat Madinah bebas mengamalkan adat mereka selagi tidak bertentangan dengan Islam



- F7 - Masyarakat Madinah dianggap sebagai satu ummah dan tidak boleh bermusuhan sesama sendiri  
 F8 - Masyarakat Madinah tidak boleh bermusuhan sesama sendiri  
 F9 - Undang-undang Islam diguna secara menyeluruh  
 F10 - Peraturan kekeluargaan dalam kabilah boleh diamalkan selagi tidak bertentangan dengan Islam  
 F11 - Tiada diskriminasi untuk memperolehi peluang ekonomi  
 F12 - Masyarakat dituntut bekerjasama  
 F13 - Riba dan unsur penipuan dihapuskan dalam sistem perniagaan  
 F14 - Mempertahankan Madinah dari ancaman luar  
 F15 - Keselamatan orang bukan Islam terjamin selagi mematuhi perlumbagaan  
 F16 - Mengakui kedudukan orang Yahudi sebagai rakyat Madinah

- (c) Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah berjaya membentuk masyarakat baru berdasarkan ummah semasa di Madinah? [ 6 markah ]

- F1 - Masyarakat hidup bersatu padu  
 F2 - Membentuk masyarakat berdasarkan semangat ukhuwah Islamiah  
 F3 - Semua rakyat Madinah mempunyai taraf kedudukan yang sama  
 F4 - Keadilan sosial diamalkan  
 F5 - Semua bangsa mempunyai persamaan hak  
 F6 - Rakyat mempunyai tanggung jawab yang sama untuk mempertahankan keselamatan negara daripada serangan musuh  
 F7 - Tiada lagi perbezaan taraf di kalangan masyarakat  
 F8 - Setiap kaum terikat dengan undang-undang yang digariskan

## BAB 6 : PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGNNYA

### Item Struktur

Muka Surat 144 – 146

- 1 Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq merupakan khalifah yang pertama dalam pemerintahan Khulafa Al-Rasyidin.

- (a) Mengapakah Saidina Abu Bakar digelar al-Siddiq?

- Bermaksud yang membenarkan
- Sentiasa menyakini
- Membenarkan kata-kata Nabi Muhammad s.a.w

[ 1 markah ]

- (b) Senaraikan sifat peribadi Saidina Abu Bakar.

- Ikhlas
- Jujur
- Setia kepada Nabi Muhammad s.a.w

[ 2 markah ]

- (c) Nyatakan cabaran yang dihadapi Saidina Abu Bakar diawal pemerintahannya.

- Perpecahan melanda masyarakat Islam
- Wujud golongan murtad
- Golongan al-Riddah yang menyalahafsirkan ayat al-Quran



- **Ancaman kuasa luar iaitu kerajaan Parsi**  
[ 2 markah ]
- (d) Berikan usaha-usaha Khalifah Abu Bakar bagi melicinkan pentadbirannya.
- **Membahagikan tanah Arab kepada 10 wilayah iaitu Makkah, Taif, Yaman, al-Jund, Khalwan, Bahrain, Jarsh, Zabid, Hadhramaut dan Nijran**
  - **Melantik seorang ketua atau amir untuk mentadbir wilayah berkenaan**
  - **Memperkenalkan bayaran gaji untuk tentera**
  - **Memperkenalkan undang-undang tanah**
- [ 3 markah ]
- (e) Pada pandangan anda mengapakah Saidina Abu Bakar digelar “*penyelamat umat Islam*”.
- **Mengatasi perpecahan yang melanda umat Islam**
  - **Mempertahankan Madinah dari ancaman luar**
  - **Mengumpulkan tulisan al-Quran**
  - **Mengarahkan Zaid bin Thabit supaya menghimpuun tulisan ayat al-Quran**
  - **Menyimpan tulisan al-Quran**
  - **Memerangi golongan murtad/al-Riddah**
- [ 2 markah ]

*Muka Surat 147 - 149*

- 2(a) Senaraikan sifat peribadi Saidina Uthman bin Affan.
- **Hartawan**
  - **Dermawan**
  - **Lemah lembut**
  - **Suka bertolak ansur**
  - **Mempunyai sikap simpati yang tinggi**
  - **Digelar Zun Nurain (mempunyai dua cahaya)**
- [ 2 markah ]
- (b) Jelaskan peristiwa perlantikan Saidina Uthman bin Affan.
- **Melalui majlis syura**
  - **Enam orang calon yang layak telah dicadangkan**
  - **Mesyuarat dipengerusikan Abdul Rahmah bin Auf**
  - **Saidina Uthman mendapat undi yang sama dengan Saidina Ali**
  - **Abdul Rahman meninjau pendapat orang ramai**
  - **Dengan persetujuan ramai dilantik sebagai khalifah ketiga**
- [ 2 markah ]
- (c) Nyatakan sumbangan khalifah Uthman bin Affan.
- **Meluaskan wilayah Islam hingga ke Afghanistan, Samarkand, Cyprus dan Tripoli**
  - **Membina angkatan angkatan tentera laut Islam**
  - **Menyelaraskan bacaan Al-Quran**
  - **Mengisytiharkan naskah Al-Quran *Mushaf Uthmani***
  - **Membina jalan raya/jambatan/rumah rehat**
  - **Mengukuhkan peranan Baitulmal untuk membiayai pembangunan**
  - **Memperkuatkan angkatan tentera laut**
  - **Membeli peralatan senjata dan kapal**

- **Mengekalkan jizyah yang dikenakan kepada penduduk bukan Islam**  
[ 2 markah ]

(d) Nyatakan sumbangan khalifah Ali bin Abu Talib.

- **Berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara**
- **Menghentikan perang walaupun hampir mencapai kemenangan**
- **Memulakan proses rundingan setelah pihak lawan mengangkat Al-Quran**
- **Tidak mengabaikan pemerintahan negara**
- **Membina markas tentera di Parsi dan sempadan Syria**
- **Kutipan jizyah diteruskan**
- **Mengikat perjanjian dengan golongan Zimmi untuk mengenakan jizyah**

[ 2 markah ]

(e) Nyatakan tindakan keempat-empat orang khulafa al-Rasyidin sehingga berjaya membentuk kerajaan yang kuat

- **Menjalankan tugas dengan penuh kesedaran**
- **Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab**
- **Tidak mementingkan diri**
- **Tidak mengamalkan kehidupan mewah**
- **Telah berjuang mengekalkan pembangunan, kesejahteraan dan kebahagian rakyat**

[ 2 markah ]

*Muka Surat 150 – 154*

3 Kerajaan Bani Umayyah dibentuk selepas Saidina Ali bin Abi Talib meninggal dunia pada tahun 661 M.

(a) Namakan tokoh yang mengasaskan kerajaan Bani Umayyah.

- **Muawiyah bin Abi Sufian**

[ 1 markah ]

(b) Namakan pusat pentadbiran kerajaan Bani Umayyah berikut:

- |     |               |           |
|-----|---------------|-----------|
| i.  | Tahap pertama | : Damsyik |
| ii. | Tahap kedua   | : Cordova |

[ 2 markah ]

(c) Senaraikan **dua** dari empat aspek utama dalam sistem pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.

- **Sistem Khalifah**
- **Sistem Wazarah**
- **Sistem Urusetia**
- **Sistem Hijabah**

[ 2 markah ]

(d) Nyatakan sumbangan kerajaan Bani Umayyah tahap pertama.

- **Menjadikan Kota Basrah sebagai pusat pengajaran dan penyebaran ilmu**
- **Melahirkan ilmuan**
- **Contoh, Khalil bin Ahmad/Sibawayhi/ al-Farazdaq/Jarir/Umar Ibn Abi Rabi'ah/Jamil al-Uzri**
- **Menjadikan Bahasa Arab bahasa rasmi negara**
- **Meletakkan tanda bunyi atau baris pada tulisan al-Quran**



- **Kepesatan ilmu agama**
  - **Melahirkan tokoh terkenal seperti Urwah bin Zubayr/Ibn Jarih/Hasan al Basri/Wasil ibn Ata**
- [ 3 markah ]

(e) Senaraikan **dua** sumber pendapatan kerajaan Bani Umayyah.

- **Kharaj/cukai tanah**
- **Jizyah/cukai perlindungan**
- **Zakat**
- **Usyur/cukai 1/10 hasil pertanian yang didapat oleh tuan tanah**
- **Ghanimah/harta yang dirampas oleh tentera melalui perperangan**

[ 2 markah ]

### **Item Esei**

*Muka Surat 155 - 158*

1 Pada peringkat akhir pemerintahan kerajaan Bani Umayyah berlaku penentangan dan telah digantikan oleh kerajaan Bani Abbasiyah.

(a) Nyatakan sebab berlaku penentangan ke atas kerajaan Bani Abbasiyah

[ 6 markah ]

- F1** - Penentangan oleh orang Islam bukan berketurunan Arab/golongan mawali
- F2** - Mereka menganggap didiskriminasi
- F3** - Tidak mendapat jawatan yang dianggap layak oleh mereka
- F4** - Mereka dikenakan kadar cukai yang lebih tinggi daripada yang dikenakan kepada orang Arab Islam
- F5** - Mereka menyertai gerakan Abbasiyah menentang Bani Umayyah
- F6** - Para khalifah mengabaikan tanggungjawab terhadap rakyat
- F7** - Para khalifah mengabaikan ajaran Islam
- F8** - Pemilihan khalifah secara warisan ditentang oleh sebilangan orang Islam
- F9** - Khasnya golongan Syiah dan khawarji

(b) Jelaskan pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah.

[ 6 markah ]

- F1** - Diasaskan pada tahun 750 M
- F2** - Pada mulanya ditaja oleh Ali bin Abdullah
- F3** - Bergerak secara sulit pada mulanya
- F4** - Secara terbuka dari zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz
- F5** - Kempen dijalankan atas nama Ahlul Bait (keluarga Nabi Muhammad saw)
- F6** - Menjadikan Khurasan, Kufah dan Humaimah sebagai pusat operasi
- F7** - Diperkuuhkan dengan keanggotaan dua orang pahlawan besar
- F8** - Salamah al-khallal dan Abu Muslim al-Khurasani
- F9** - Mengambil sempena nama al-Abbas
- F10** - Mengamalkan pemerintahan bercorak warisan
- F11** - Mengamalkan sistem monarki/pemerintahan beraja

(c) Senaraikan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang pendidikan

[ 8 markah ]

- F1** - Kota Baghdad memainkan peranan sebagai pusat intelektual/penyebaran ilmu
- F2** - Di Baghdad telah dibina Baitulhikmah/Institusi keilmuan
- F3** - Penterjemahan karya falsafah dan sains terutamanya daripada bahasa Yunani
- F4** - Kegiatan penulisan dilakukan mengikut tiga tahap



- F5 - Mencatat segala idea atau percakapan
- F6 - Mengumpulkan idea yang serupa / mengumpulkan hadith
- F7 - Mengarang
- F8 - Penglibatan golongan ulama dalam penulisan
- F9 - Ramai ulama mula menyusun hadith dan menghasilkan penulisan
- F10 - Antara ulama terkenal Imam Malik/Ibn Ishaq/Abu Hanifah
- F11 - Terdapat pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah dan ilmu hadith
- F12 - Membuat pembaharuan dalam karya yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab
- F13 - Membuat penambahbaikan terhadap karya tersebut
- F14 - Memuatkan keterangan dan ulasan yang sangat bernali
- F15 - Memelihara warisan ilmu daripada lenyap kerana pada masa itu Eropah berada dalam Zaman Gelap

*Muka Surat 158 – 163*

- 2(a) Nyatakan pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyyah.

[ 4 markah ]

- F1 - Berasal daripada nama pengasasnya ialah Uthman bin Ertughrul bin Sulaiman Shah
- F2 - Uthman ialah amir ataupun gabenor Saljuk
- F3 - Uthman berjaya menumpaskan tentera Byzantine
- F4 - Ramai Ghazi/pahlawan tentera serta pemimpin masyarakat bersatu di bawah Uthman
- F5 - Uthman mula menakluki kawasan sekitar Anatolia
- F6 - Menjadikan Bursa sebagai ibu negeri
- F7 - Perluasan kuasa diteruskan oleh anaknya Orkhan I
- F8 - Orhan I berjaya menguasai kawasan Marmara dan pantai Aegean, Ankara dan Galipoli
- F9 - Murad I dan Bayazid I berjaya menguasai kawasan Balkan dan Utara Bulgaria, Philippopolis, Sofia, Salonica, Kosovo, utara Albania dan Wallachia
- F10 - Mehmed II berjaya menawan Istanbul /Constantinople/Ibu negeri Rom Timur

- (b) Terangkan sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyyah.

[ 8 markah ]

- F1 - Wujud sebuah empayar
- H1a - Menjadi kesatuan orang Islam seluruh dunia
- H1b - Istanbul dianggap pusat pentadbiran dunia Islam
- H1c - Berjaya menguasai Makkah
- H1d - Pelindung umat Islam seluruh dunia
- F2 - Memperkenalkan sistem perundangan
- H2a - Untuk mempertahankan & membela nyawa, harta serta kehormatan individu tanpa mengenal bangsa & agama
- H2b - Perundangan ini dikenali sebagai kanun Suleiman
- F3 - Memberi sumbangan dalam sistem organisasi dan pentadbiran perundangan Islam
- H3a - Telah diwujudkan jawatan kadi & mufti
- H3b - Sheikh-ul-Islam iaitu ketua ulama berperanan untuk keluarkan fatwa
- H3c - Koleksi fatwa yang dikeluarkan oleh sheikh-ul-Islam digunakan hingga hari ini
- F4 - Sumbangan dalam sektor ekonomi
- H4a - Kedudukan geografi Istanbul menjadikannya pusat pertemuan dalam jalinan perdagangan antara Timur dan Barat/antara dunia barat dengan Islam
- H4b - Meliputi pelabuhan di sepanjang Laut Tengah, Laut Merah, Lautan Hindi dan Lautan Mediterranean
- H4c - Istanbul membentuk jalinan perdagangan Dunia Islam
- F5 - Memperkenalkan sistem yang menggalakkan kecemerlangan individu
- H5a - Pembahagian masyarakat bergantung pada hasil individu



- H5b - Membawa kepada mobiliti sosial yang lebih luas  
 F6 - Perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan  
 H6a - Sistem madrasah amat berpengaruh sekali dalam pendidikan  
 H6b - Terdapat juga sekolah pengetahuan akademik/sekolah sastera/maktab tentera/maktab teknik/kolej perubatan  
 H6c - Penulisan Ensiklopaedia  
 H6d - Menubuhkan perpustakan masjid/hospital/rumah  
 H6e - Seni bina masjid  
 H6f - Tokoh seni bina terkenal ialah Mimar Sinan  
 H6g - Hasil seni beliau yang paling terkenal ialah Masjid Sultan Ahmad (Masjid Biru)

(c) Jelaskan faktor penyebaran Islam ke Eropah.

[ 8 markah ]

- F1 - Penaklukan Constantinople oleh Mehmed Fatih  
 F2 - Pegangan akidah yang kukuh di kalangan orang Islam  
 F3 - Akhlak yang tinggi di kalangan orang Islam  
 F4 - Tentera Islam mempunyai semangat ghazi  
 F5 - Sistem ketenteraan tersusun  
 F6 - Penggunaan senjata moden seperti meriam  
 F7 - Tentera berkuda dan kumpulan infantri yang kuat  
 F8 - Kumpulan Janissari iaitu kumpulan elit yang sangat terlatih dalam selok belok Perperangan  
 F9 - Armada laut yang kuat  
 F10 - Politik di Eropah tidak stabil  
 F11 - Kelemahan dan kejatuhan kerajaan Byzantine  
 F12 - Institusi gereja tidak mampu menjadi pelindung kepada masyarakat  
 F13 - Institusi gereja hampir hancur akibat salah guna kuasa/pergaduhan pemimpin / kekurangan kewangan  
 F14 - Ramai penganut Kristian tertarik kepada Islam  
 F15 - Menjalankan dasar yang berteraskan diplomasi dan toleransi  
 F16 - Perluasan kuasa tidak bererti penduduk Balkan dipaksa memeluk Islam  
 F17 - Kerajaan Turki Uthmaniyyah tidak campur urusan agama Kristian  
 F18 - Dasar sosial Islam menarik minat orang Kristian memeluk agama Islam  
 F19 - Penghijrahan orang Turki ke kawasan Balkan  
 F20 - Orang Turki yang berhijrah membina petempatan di kawasan kediaman Kristian

Muka Surat 164-169

3(a) Huraikan cara Tamadun Islam bertembung dengan tamadun lain di dunia.

[ 8 markah ]

- F1 - Perdagangan jarak jauh melalui laut  
 H1a - Nabi Muhammad saw pernah berdagang sampai ke Syam (Syria)  
 H1b - Penguasaan ke atas Laut Merah/Laut Mediteranean/Teluk Parsi  
 H1c - Seawal akhir abad ketujuh orang Islam telah menetap dan berdagang di Canton, China  
 F2 - Hubungan diplomatik merupakan salah satu cara orang Islam mendapatkan pengetahuan tentang tamadun lain  
 H2a - Kerajaan Bani Umayyah menghantar peneroka ke utara Selat Gibraltar  
 F3 - Ekspedisi ketenteraan yang bertujuan untuk meluaskan kawasan dan penyebaran Islam  
 H3a - Apabila tentera Islam menguasai Iraq dan Iran tamadun Islam bertembung dengan tamadun Parsi  
 H3b - Apabila tentera Islam menawan Mesir tamadun Islam bertembung dengan tamadun Eropah khasnya Rom  
 F4 - Pertembungan kebudayaan antara tamadun Islam dengan tamadun lain  
 H4a - Kemasukan Islam ke Sepanyol menyebabkan muncul kebudayaan baru



- H4b - Bahasa Arab telah menjadi bahasa utama di Sepanyol  
 H4c - Muncul golongan mozarah iaitu golongan yang beragama Kristian tetapi mengamalkan kebudayaan Islam dan berbahasa Arab  
 F5 - Pertembungan intelektual berlaku antara ahli fikir Islam dengan bukan Islam  
 H5a - Ilmuwan Islam mendalami ilmu dan keilmuan tamadun Eropah

(b) Nyatakan kesan pertembungan tamadun-tamadun tersebut.

[ 9 markah ]

- F1 - Islam mengubah sistem kehidupan penganutnya dan mereka yang di bawah takluknya  
 F2 - Islam membawa nilai akidah percaya kepada Allah s.w.t  
 F3 - Islam menyediakan perundangan berdasarkan al Quran dan Hadis  
 F4 - Perluasan kawasan dan penyebaran Islam telah melahirkan pelbagai bentuk kerajaan  
 F5 - Melahirkan pelbagai bentuk kerajaan dan masyarakat seperti kerajaan Delhi di India  
 F6 - Wujud masyarakat Islam yang berkekalan hingga kini di China  
 F7 - Orang Islam kuasai ekonomi khasnya perdagangan  
 F8 - Pedagang Islam menguasai perdagangan di Asia dan Eropah  
 F9 - Istanbul menjadi pusat aktiviti perdagangan  
 F10 - Kerajaan Islam pastikan keselamatan laluan perdagangan di kawasan naungannya  
 F11 - Islam mempengaruhi proses urbanisasi dan organisasi sosial di Eropah  
 F12 - Dari segi organisasi sosial, undang-undang yang saksama diselaraskan  
 F13 - Kurikulum pendidikan menekan agama, sains, matematik & teknologi  
 F14 - Tatasusila hidup harian orang Islam mempengaruhi hidup harian orang Eropah, peranan ini dimainkan oleh golongan mudejar  
 F15 - Cendekiawan Islam dan bukan Islam dapat bertukar pendapat  
 F16 - Pengumpulan maklumat dan teks penulisan para cendekiawan terdahulu  
 F17 - Hasil kerja orang asing diterjemah oleh cendekiawan Islam  
 F18 - Penubuhan perpustakaan (baitulhikmah) di zaman Abbasiyah  
 F19 - Melahirkan cendekiawan Islam dalam setiap bidang keilmuan  
 F20 - Sumbangan cendekiawan Islam dalam bidang matematik & astronomi telah meningkatkan perkembangan intelektual dunia  
 F21 - Cendekiawan Islam hasilkan karya penting dalam undang-undang & pemikiran politik terhadap peradaban dunia  
 F22 - Dalam ilmu mantik & falsafah, membawa perkembangan pemikiran usuluddin, falsafah sains, pemikiran kritis & kesedaran agama  
 F23 - Sumbangan diberi terhadap dunia kesusastraan  
 F24 - Kesenian Islam khasnya dalam seni bina turut memberi sumbangan dalam perkembangan ketamadunan dunia

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan faktor kelangsungan sesebuah tamadun.

[ 3 markah ]

- F1 - Perpaduan penting untuk penerusan sesuatu ummah  
 F2 - Peranan pemerintah penting untuk menentukan jatuh bangunnya sesebuah tamadun  
 F3 - Sumbangan golongan cerdik pandai  
 F4 - Kesediaan pemerintah menyediakan kemudahan pembelajaran/perpustakaan  
 F5 - Kompromi dan toleransi penting dalam sesebuah negara yang pelbagai kaum  
 F6 - Menjaga keamanan  
 F7 - Kemampuan masyarakat menguasai segala bidang kehidupan

### Item Struktur

*Muka surat 185 - 187*

- 1 Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah menyebabkan sistem pemerintahan Islam diamalkan.

- (a) Senaraikan petugas dan pegawai yang diwujudkan dalam pentadbiran Islam.

- **Mufti**
- **Kadi**
- **Khatib**
- **Bilal**
- **Pemungut zakat**
- **Penyelia Baitulmal**
- **Penjaga harta wakaf**

[ 3 markah ]

- (b) Nyatakan kesan penggunaan gelaran sultan.

- **Mengukuhkan kedudukan Kerajaan Islam di Alam Melayu**
- **Menjamin kewibawaan raja**
- **Kedudukan Sultan setaraf dengan pemerintah Islam lain**
- **Memupuk semangat persaudaraan di kalangan umat Islam.**

[ 2 markah ]

- (c) Nyatakan perkara yang dapat diselesaikan melalui Undang-undang Syariah.

- **Kes jenayah/ Kecurian/ Pembunuhan**
- **Urusan pernikahan**
- **Perniagaan**
- **Pembahagian harta pusaka**

[ 2 markah ]

- (d) Namakan tokoh ulama yang memaparkan “ semangat jihad “dalam karya mereka.

- **Syeikh Nurudin al-Raniri**
- **Abdul Rauf Singkel**
- **Syeikh Daud al-Pattani**

[ 1 markah ]

- (e) Senaraikan implikasi penyebaran semangat jihad di kalangan masyarakat tempatan .

- **Rakyat tempatan bersatu teguh dengan prinsip Islam**
- **Menghalau penjajah**
- **Menegaskan kewajipan berjihad bagi orang Islam**
- **Sesiapa yang tidak berjihad berdosa besar**
- **Jihad sebagai usaha menentang musuh**
- **Jihad sebagai usaha menentang kemiskinan**
- **Jihad sebagai usaha mencapai suatu kehidupan yang sempurna**
- **Dapat melindungi kesucian agama Islam**

[ 2 markah ]

*Muka surat 181-184.*

- 2 Acheh berperanan sebagai pusat kebudayaan, pusat keilmuan dan pusat penyebaran Islam yang terkenal di Asia Tenggara.



(a) Namakan ulama yang terkenal di Aceh.

- **Hamzah Fansuri**
- **Syiekh Nurudin al-Raniri**
- **Syiekh Syamsudin al-Sumaterani**
- **Abdul Rauf Singkel**

[2 markah]

(b) Nyatakan peranan ulama Islam dalam politik dan pentadbiran di Aceh.

- **Menyebarluaskan Islam**
- **Penasihat raja yang memerintah**
- **Membantu pentadbiran**
- **Mempraktikkan Islam dalam politik dan pentadbiran**

[ 2 markah]

(c) Senaraikan usaha pemerintah Aceh untuk menyekat penyebaran agama Kristian?

- **Menaungi beberapa negeri kecil di Sumatera Utara**
- **Menakluki negeri-negeri di Tanah Melayu**
- **Menghasilkan karya-karya Islam**
- **Menjadikan Aceh kuasa yang kuat dan kukuh**
- **Menjadikan Aceh pusat perdagangan yang penting**

[ 2 markah.]

(d) Pada pendapat anda, mengapakah Aceh digelar Serambi Makkah?

- **Melahirkan ramai ulama.**
- **Tempat belajar ilmu agama**
- **Tempat persinggahan dalam perjalanan ke Makkah untuk menunaikan haji**

[ 2 markah ]

(e) Namakan hasil karya yang telah dihasilkan oleh ulama Islam di Aceh.

- **Syarabul Asyikin.**
- **Asrarul Ariffin.**
- **Syair Burung Pingai.**
- **Syair Dagang.**
- **Syair Burung Pungguk.**
- **Syair Sidang Fakir.**
- **Syair Perahu.**
- **Bustanul Salatin**

[ 2 markah ]

*Muka surat 179 - 185.*

3(a) Senaraikan cara penyebaran Islam.

- **Perdagangan**
- **Perkahwinan**
- **Pengislaman raja dan golongan bangsawan**
- **Kelahiran kerajaan Islam**
- **Peranan pusat perdagangan**
- **Peranan mubaligh**
- **Keistimewaan Islam**

[ 3 markah ]

(b) Namakan golongan yang memeluk Islam selepas raja.



- **Pembesar**
- **Keluarga diraja**
- **Rakyat**

[ 2 markah ]

(c) Nyatakan bentuk perkahwinan yang membantu penyebaran Islam.

- **Perkahwinan siasah**
- **Perkahwinan biasa**

[ 1 markah ]

(d) Senaraikan pusat kebudayaan Islam di Asia Tenggara.

- **Perlak**
- **Samudra-Pasai**
- **Riau**
- **Acheh**

[ 2 markah ]

(e) Nyatakan keistimewaan agama Islam sehingga menarik masyarakat tempatan.

- **Keadilan**
- **Hak individu dan masyarakat**
- **Kehidupan yang dihormati**
- **Menyanjungi akhlak mulia**
- **Menganjurkan Konsep kebahagiaan di dunia dan akhirat**

[ 2 markah ]

*Muka surat 187-189*

3

Sikap mementingkan ilmu mendorong kepada perkembangan pendidikan formal di Asia Tenggara.

(a) Namakan institusi pendidikan formal di Asia Tenggara.

- **Istana**
- **Pondok**
- **Pesantren**
- **Madrasah**
- **Surau**

[ 2 markah ]

(b) Nyatakan peranan istana sebagai institusi pendidikan formal.

- **Tempat ulama berbincang tentang hukum Islam**
- **Tempat ulama berbincang dengan sultan dan pembesar**
- **Tempat ulama menyampaikan ilmu pengetahuan Islam**
- **Tempat ulama menasihati sultan**

[ 2 markah ]

(c) Berikan ciri sistem pendidikan pondok.

- **Pusat pengajian Islam**
- **Mata pelajaran diajar ialah Fiqah/ Usuludin/ Tasawuf/ Hadis/ Tafsir**
- **Bahasa Melayu dan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar**
- **Keperluan asas seperti makan/minum disediakan oleh pelajar sendiri**



[ 2 markah ]

(d) Nyatakan peringkat pendidikan di Aceh.

- **Peringkat rendah/rangkang**
- **Peringkat menengah/muenasah**
- **Peringkat pengajian tinggi atau university/Jamiah Bait al-Rahman**

[ 2 markah ]

(e) Pada pandangan anda, apakah peranan bahasa dan tulisan dalam pendidikan formal?

- **Bahasa istana**
- **Bahasa surat-menyurat**
- **Bahasa perhubungan antara wilayah**
- **Bahasa ilmu pengetahuan**
- **Bahasa untuk berdakwah**
- **Bahasa untuk pengajaran dan pembelajaran**

[ 2 markah ]

*Muka surat 185 - 187*

4 Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah menyebabkan sistem pemerintahan Islam diamalkan.

(a) Senaraikan petugas dan pegawai yang diwujudkan dalam pentadbiran Islam.

- **Mufti**
- **Kadi**
- **Khatib**
- **Bilal**
- **Pemungut zakat**
- **Penyelia Baitulmal**
- **Penjaga harta wakaf**

[ 3 markah ]

(b) Nyatakan kesan penggunaan gelaran sultan.

- **Mengukuhkan kedudukan Kerajaan Islam di Alam Melayu**
- **Menjamin kewibawaan raja**
- **Kedudukan sultan setaraf dengan pemerintah Islam lain**
- **Memupuk semangat persaudaraan di kalangan umat Islam**

[ 2 markah ]

(c) Nyatakan perkara yang dapat diselesaikan melalui Undang-undang Syariah.

- **Kes jenayah/ Kecurian/ Pembunuhan**
- **Urusan pernikahan**
- **Perniagaan**
- **Pembahagian harta pusaka**

[ 2 markah ]

(d) Namakan tokoh ulama yang memaparkan "semangat jihad" di dalam karya mereka.

- **Syeikh Nurudin al-Raniri**
- **Abdul Rauf Singkel**
- **Syeikh Daud al-Pattani**

[ 1 markah ]



(e) Senaraikan implikasi penyebaran semangat jihad di kalangan masyarakat tempatan.

- Rakyat tempatan bersatu teguh dengan prinsip Islam
- Menghalau penjajah
- Menegaskan kewajipan berjihad bagi orang Islam
- Sesiapa yang tidak berjihad berdosa besar
- Jihad sebagai usaha menentang musuh
- Jihad sebagai usaha menentang kemiskinan
- Jihad sebagai usaha mencapai suatu kehidupan yang sempurna
- Dapat melindungi kesucian agama Islam

[ 2 markah ]

#### Item Esei

*Muka surat -176 -178*

1(a) Jelaskan pandangan John Crawford dan Profesor Syed Naquib al-Attas tentang bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab.

[ 10 markah ]

- John Crawford
- F1 - Menurut John Crawford Islam datang dari Semenanjung Tanah Arab dari catatan China
- F2 - Melalui catatan China, orang Arab dan Parsi telah mempunyai pusat perniagaan dan petempatan di Canton / Amoy sejak tahun 300 M. Islam dari Semenanjung Tanah Arab
- F3 - Pedagang Arab juga menguasai perdagangan laut dari pelabuhan Iskandariah di Mesir hingga ke China
- F4 - Pedagang Arab yang berdagang ke China telah singgah di pelabuhan utama di Asia Tenggara terutamanya pelabuhan di Selat Melaka
- F5 - Pelabuhan menjadi tempat menunggu perubahan angin monsun untuk ke China.
- F6 - Pedagang Arab telah menetap selama beberapa bulan sehingga membina perkampungan
- F7 - Perkampungan amat penting kerana menyediakan tapak untuk berdagang/ mengumpul barang jualan/membeli barang-barang mewah dari China dan India.
- F8 - Orang Arab berkahwin dengan wanita tempatan
- F9 - Pedagang Arab menjalankan perdagangan dengan pelabuhan lain di Asia Tenggara
- F10 - Semasa menunggu perubahan angin monsun para pedagang berbincang dan berinteraksi dengan pedagang tempatan dan Asia Tenggara
- F11 - Mereka berbincang tentang kepercayaan dan agama
- F12 - Kejujuran pedagang Islam/sifat mementingkan kebersihan/berhemah tinggi merupakan sesuatu yang menarik minat masyarakat dan pedagang tempatan kepada Islam.
- F13 - Wujud perkampungan Islam bernama Ta Shih di Sumatera Utara pada 650 M Prof.Syed Muhammad Naquib al- Attas
- F14 - persamaan bahan penulisan dan kesusasteraan di Asia Tenggara dengan Semenanjung Tanah Arab
- F15 - Perkataan Arab pada tulisan Jawi diambil daripada bahasa Arab
- F16 - Adat resam dan kebudayaan orang Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya Arab.
- F17 - Contohnya, amalan menghormati tetamu dan muzik Melayu seperti dabus dan zapin.
- F18 - Kebanyakkan karya tempatan menceritakan bahawa pengislaman raja di Asia Tenggara dilakukan oleh syeikh dari Semenanjung Tanah Arab
- F19 - Contoh,Hikayat Raja-raja Pasai



- (b) Nyatakan teori dan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari China.  
[ 6 markah ]

- F1 - Dikemukakan oleh Emanuel Gadiño Eredia.
- F2 - Peniaga Arab mengunjungi Khan Fo atau Canton sebagai pusat perniagaan sejak abad ke-9M
- F3 - Jalinan hubungan ini membolehkan Islam berkembang di kalangan pedagang China
- F4 - Peniaga Cina yang berdagang ke Asia Tenggara menyebarkan Islam kepada masyarakat Asia Tenggara
- F5 - S.Q Fatimi bersetuju Islam datang ke Asia Tenggara dari China
- F6 - Buktinya perpindahan beramai-ramai pedagang Islam di Canton ke Asia Tenggara pada sekitar tahun 876 M
- F7 - Penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 M
- F8 - Penemuan sepasang batu nisan ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang
- F9 - Islam telah dibawa oleh mubaligh China Islam menerusi Laut China Selatan, ke Phang Rang, di Indo China dan ke Pekan Pahang
- F10 - Terdapat unsur seni bina di China dengan seni bina pada masjid-masjid di Nusantara
- F11 - Contoh, seperti di Kelantan / Melaka / Pulau Jawa
- F12 - Di Melaka unsur seni bina China pada bentuk bumbung masjid mempunyai persamaan dengan bumbung rumah ibadat China( pagoda)
- F13 - Pengaruh atap genting China serta warna merah dan kuning pada kayu kepala pintu dan tingkap masjid
- F14 - Jubin lantai, dinding, tangga dan kolam air di masjid

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah masyarakat tempatan mudah menerima Islam daripada pedagang?  
[ 4 markah ]

- F1 - Kehidupan serta nilai Islam yang murni diperlihatkan oleh pendakwah serta pedagang Islam
- F2 - Kejujuran pedagang Islam ketika menjalankan perniagaan
- F3 - Sifat mementingkan kebersihan
- F4 - Berhemah tinggi ketika berurusran
- F5 - Semangat dakwah Islamiah pedagang-pedagang Islam
- F6 - Pedagang yang berdakwah mengamalkan sifat berhemah dan berlemah lembut ketika menyampaikan Islam
- F7 - Pedagang mempunyai sifat mahmudah
- F8 - Hubungan baik pedagang dengan pemerintah
- F9 - Mana-mana jawapan yang munasabah

*Muka surat 178 – 180*

- 2(a) Jelaskan teori dan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari India.  
[ 6 markah ]

- F1 - Islam datang dari wilayah Gujerat dan Pantai Koromandel sejak abad ke 13 M
- F2 - Snouck Hurgronje/sejarawan Belanda
- F3 - Beliau berpendapat hubungan perdagangan telah lama wujud
- F4 - Pedagang India Islam menyebarkan Islam ke rantau Asia Tenggara
- F5 - Gujerat ialah pelabuhan penting semasa pemerintahan Alaudin Khilji di India
- F6 - Penemuan batu marmar pada batu nisan
- F7 - Contoh, Batu nisan perkuburan Malik Ibrahim di Gerisik
- F8 - Batu nisan Malik al- Salih di Pasai mempunyai ciri buatan India
- F9 - Budaya masyarakat Asia Tenggara yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan unsur kebudayaan Hindu

- (b) Bagaimakah Islam tersebar melalui perdagangan di Asia Tenggara?  
[ 10 markah ]

- F1 - Peranan pedagang
- F2 - Pedagang Arab, China dan India telah lama menjalin hubungan perdagangan dengan pelabuhan utama di Asia Tenggara seperti pelabuhan di Selat Melaka/Teluk Siam/ IndoChina
- F3 - serta pelabuhan di Kepulauan rempah seperti Maluku dan Makasar termasuk pelabuhan di Laut Jawa
- F4 - Pelabuhan ini menjadi pusat kegiatan manusia dari pelbagai tempat dan masyarakat tempatan
- F5 - Kepercayaan dan amalan baru oleh golongan pedagang menjadi ikutan masyarakat setempat
- F6 - Kemurnian sikap serta tingkah laku pedagang
- F7 - Sikap pedagang ini menjadi ikutan penduduk setempat
- F8 - Perkampungan pedagang Islam
- F9 - Sebagai pusat perbincangan tentang agama Islam di kalangan pedagang yang tinggal di situ
- F10 - Semangat dakwah Islamiah pedagang Arab, India dan China
- F11 - menarik minat masyarakat tempatan di bandar-bandar pelabuhan
- F12 - Mereka membawa ulama untuk menyebarkan Islam
- F13 - Mereka tinggal selama beberapa bulan atau sesetengahnya menetap di pelabuhan di Asia Tenggara untuk menjalankan kegiatan dakwah
- F14 - Pedagang yang berdakwah mengamalkan sifat berhemah dan lemah lembut
- F15 - Sifat mahmudah seperti bersopan santun, ikhlas dan lemah lembut di kalangan pedagang menarik lebih ramai penduduk tempatan memeluk Islam
- F16 - Hubungan baik pedagang dengan pemerintah tempatan
- F17 - Pemerintah memberikan keistimewaan tertentu kepada pedagang yang singgah di kawasan mereka
- F18 - Pedagang yang jujur dan amanah dianugerahkan jawatan Syahbandar di beberapa pelabuhan Asia Tenggara

- (c) Bagaimakah Syahbandar berperanan membantu penyebaran Islam?  
[ 4 markah ]

- F1 - Sebagai pentadbir pelabuhan
- F2 - Bertanggung jawab berurusan dengan setiap pedagang tentang hal perdagangan
- F3 - Penentu kemajuan perdagangan
- F4 - Kemurnian sikap serta tingkah laku menarik minat masyarakat tempatan
- F5 - Kejujuran syahbandar menguruskan pedagang dari pelbagai tempat
- F6 - Kebijaksanaan mengurus pedagang dari pelbagai tempat menentukan kejayaan pelabuhan tersebut

Muka surat 179 - 191

- 3(a) Terangkan faktor-faktor penyebaran agama Islam di Asia Tenggara.  
[ 10 markah ]

- F1 - Perdagangan
- H1a - Dakwah Islam disebarluaskan oleh golongan pedagang Arab, China dan India yang datang berdagang ke Asia Tenggara
- H1b - Pedagang Arab, China dan India telah lama menjalin hubungan perdagangan dengan pelabuhan utama di Asia Tenggara seperti pelabuhan di Selat Melaka/ Teluk Siam/ Indo-China
- H1c - Pelabuhan di Kepulauan Rempah seperti Maluku dan Makasar termasuk pelabuhan di Laut Jawa



- H1d - Pelabuhan menjadi pusat kegiatan manusia dari pelbagai tempat Kemurnian sikap serta tingkah laku menjadi ikutan penduduk setempat
- H1e - Kepercayaan dan amalan baru menjadi tajuk perbualan serta ikutan mereka yang berada di pelabuhan ini
- H1f - Perkampungan menjadi pusat perbincangan tentang agama Islam
- H1g - Semangat dakwah Islamiah pedagang menarik minat masyarakat
- H1h - Pedagang membawa ulama untuk menyebarkan Islam dibandar pelabuhan tersebut
- H1i - Hubungan baik pedagang dengan pemerintah memberi peluang kepada pedagang Islam untuk berdakwah kepada masyarakat setempat
- F2 - Perkahwinan
- H2a - Perkahwinan dikalangan kerabat diraja
- H2b - Sultan Mansur Syah dan Sultan Muzafar Syah telah mengahwinkan puteri-puteri mereka dengan raja Siak/ Kampar/ Inderagiri dan Jambi di Sumatera Utara
- H2c - Puteri raja juga dikahwinkan dengan raja Pahang dan raja Kedah
- H2d - Agama Islam tersebar ke negeri berkenaan
- H2e - Perkahwinan pedagang Islam atau ulama Islam dari India atau Semenanjung Tanah Arab dengan penduduk tempatan
- H2f - Agama Islam tersebar di kalangan keluarga yang baru dikahwini dan masyarakat sekeliling keluarga
- F3 - Pengislaman raja dan golongan bangsawan
- H3a - Masyarakat Melayu sangat mentaati golongan pemerintah
- H3b - Raja dan golongan bangsawan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap rakyat
- H3c - Raja memeluk Islam, amalan akan diikuti oleh rakyatnya
- H3d - Pengislaman Megat Iskandar Syah diikuti oleh pembesar Melaka, keluarga diraja dan rakyat Melaka seluruhnya
- H3e - Di Pasai,pengislaman Raja Malik al-Salih, para pembesar turut memeluk Islam
- H3f - Pasai menjadi kerajaan Islam yang kuat dan Islam tersebar dengan cepat
- F4 - Kelahiran Kerajaan Islam
- H4a - Kemunculan kerajaan-kerajaan Islam yang telah meluaskan kuasa dan menyebarkan Islam seperti Kerajaan Perlak/Samudera-Pasai/Melaka dan Aceh
- H4b - Melaka, Tun Perak Bendahara Melaka telah berjaya menguasai beberapa kawasan baru seperti kawasan persisiran pantai Sumatera /utara iaitu Aru/ Rokan/ Siak/ Kampar dan Inderagiri menerusi penaklukan
- H4c - Ulama dihantar ke kawasan untuk mengajar tentang agama Islam
- H4d - Kerajaan Johor Riau berusaha menawan kembali Melaka dan usaha ini telah dapat meningkatkan penyebaran Islam
- H4e - Kerajaan Demak telah menyebarkan Islam ke seluruh Pulau Jawa
- H4f - Kerajaan Pajang dan Kerajaan Mataram juga bertindak menyebarkan Islam
- H4g - Kerajaan Aceh menjadi kerajaan Islam yang kukuh dan pusat perdagangan Islam yang penting
- H4h - Menjadi tempat persinggahan sebelum ke Makkah/digelar Serambi Makkah
- H4i - Kerajaan Melayu Tua di Pattani,raja memeluk Islam, Phaya Tu Nakpa menukar nama kepada Sultan Mahmud Syah
- H4j - Para pendakwah dan pedagang Arab dan Parsi ke Pattani sejak abad 10
- H4k - Islam tersebar ke seluruh wilayah zaman pemerintahan Sultan Mudzaffar Syah
- H4l - Islam di Brunei abad 15 dan abad 16.Wilayah disekitarnya, seperti Kepulauan Sulu dan Mindanao telah dapat diislamkan
- F5 - Peranan pusat kebudayaan
- H5a - Kerajaan Islam yang wujud juga menjadi pusat kebudayaan Islam.Contoh di Perlak/ Samudera-Pasai/ Riau dan Aceh
- H5b - Menjadi pusat keilmuan dan pusat penyebaran Islam
- H5c - Terdapat institusi pendidikan dan golongan cerdik pandai
- H5d - Kerajaan Sumatera-Pasai menjadi pusat penterjemahan di Kepulauan Melayu
- H5e - Kitab Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu
- H5f - Sultan Mansur Syah mengirimkan Kitab al-Dur al-Manzum ke Samudera-Pasai untuk diterjemahkan
- H5g - Cerdik pandai dan ulama di Samudera-Pasai menjadi pakar rujuk ulama dari luar
- H5h - Hasil kesusasteraan dipengaruhi gaya tulisan Arab seperti Hikayat Amir Hamzah/

- Hikayat Nabi Bercukur**
- H5i - Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Ali Hanafiah memberi semangat serta kekuatan orang Islam menentang musuh
  - H5j - Di Aceh, banyak karya puisi seperti syair yang dihasilkan untuk menarik pembaca menghayati Islam
  - H5k - Bustanul Salatin mengisahkan sebuah kerajaan, istana kota dan taman-taman
  - H5l - Ulama Islam menghasilkan karya tentang pemikiran Islam seperti Hamzah al-Fansuri, Syeikh Nurudin al-Raniri, Syeikh Syamsudin al-Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel
  - H5m - Kerajaan Johor-Riau juga turut memainkan peranan sebagai pusat kebudayaan Islam yang penting pada abad ke-18
  - H5n - Pelabuhan Johor-Riau emporium hasil penulisan yang penting di Asia Tenggara
  - H5o - Banyak hasil kesusastraan ditulis pada zaman kegemilangan kerajaan seperti Tuhfat al-Nafis dan Peringatan Sejarah Johor
- F6** - Peranan mubaligh
- H6a - Syeikh Ismail dan Fakir Muhammad pendakwah terawal di Asia Tenggara
  - H6b - Mubaligh / pendakwah/ ulama dan ahli sufi memainkan peranan secara langsung menyebarkan Islam di Asia Tenggara
  - H6c - Pendakwah/ulama dan ahli sufi seperti Syarif Amir Sayyid al- Syirazi dan Tajudin al- Asfahani menyebarkan Islam di Pasai
  - H6d - Di Melaka terdapat pendakwah seperti Syeikh Abdul Aziz,Maulana Abu Bakar dan Maulana Yusuf
  - H6e - Di Melaka pada peringkat awal ulama mengajar perkara asas tentang Islam secara tidak formal/formal
  - H6f - Masjid, istana dan rumah menjadi tempat untuk mempelajari ilmu pengetahuan Islam
  - H6g - Institusi pendidikan awal berkembang menjadi pusat pendidikan seperti pondok/pasentren
  - H6h - Di Aceh,pondok dikenali sebagai dayah
  - H6i - Muncul ulama seperti Syamsudin al- Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel
  - H6j - Di Aceh, ulama menjadi penasihat raja seramai 22 orang telah ditugaskan di Balai Gadang untuk memberi bantuan kepada pentadbiran
  - H6k - Di Jawa, kebijaksanaan Wali Songo berdakwah berjaya mengislamkan ramai masyarakat tempatan
  - H6l - Wali Songo menjadikan Masjid Agung Demak sebagai markas dakwah Islamiah
- F7** - Keistimewaan Islam
- H7a - Kemurnian ajaran Islam mencakupi semua bidang kehidupan
  - H7b - Konsep Tuhan yang Maha Esa/ Tauhid/ Keadilan/Hak individu dan masyarakat / kehidupan yang harmoni/ menyanjung akhlak mulia/ menganjurkan konsep kebahagiaan dunia dan akhirat
  - H7c - Islam menuntut manusia berfikir secara rasional

(b) Jelaskan nilai-nilai Islam dalam sistem ekonomi di Asia Tenggara.

[ 6 markah ]

- F1** - **Rajin bekerja dan mencari rezeki yang halal**
- H1a - Melarang perbuatan mengemis
- F2** - **Menggalakan orang Islam berdagang**
- H2a - Berdagang / berniaga dianggap mulia dalam Islam
  - H2b - Berdagang juga dianggap sumber rezeki yang besar
- F3** - **Mengamalkan unsur-unsur yang halal semasa berurus niaga**
- H3a - Melarang amalan riba / penindasan / penipuan
  - H3b - Adil dalam timbangan dan sukatan
- F4** - **Mewajibkan golongan kaya dan berkemampuan membayar zakat harta**
- H4a - Membantu golongan Islam yang memerlukan / miskin
  - H4b - Zakat juga digunakan untuk membangunkan negara
- F5** - **Menggalakan sikap berjimat cermat dalam menguruskan kewangan**
- H5a - Menegah amalan membazir dan boros
  - H5b - Berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara



**F6** - **Penubuhan Baitulmal**

**H6a** - Berfungsi sebagai perbendaharaan negara

**H6b** - Hasil diperolehi daripada zakat dan sedekah

**F7** - **Menggerakan semangat jihad**

**H7a** - Usaha untuk menentang kemiskinan / mendapat satu kehidupan sempurna

- (c) Bagaimanakah agama Islam mempengaruhi cara hidup masyarakat di Asia Tenggara?

[ 4 markah ]

**F1** - **Unsur kepercayaan lama seperti memuja semangat dan mempercayai keramat semakin beransur hilang**

**F2** - **Cara hidup Islam diasimilasikan ke dalam budaya masyarakat Asia Tenggara**

**F3** - **Islam dijadikan ad-din iaitu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh**

**F4** - **Lahir cara hidup yang berorientasikan Islam seperti cara berpakaian iaitu bertudung kepala dan bersongkok**

**F5** - **Sistem sosial masyarakat yang mempunyai kelas kepada konsep persaudaraan/persamaan taraf sesama manusia**

**F6** - **Nilai-nilai akhlak Islam dijadikan panduan dalam kehidupan harian**

**F7** - **Sifat tolol menolong,hormat menghormati dan bekerjasama menjadi budaya masyarakat**

**F8** - **Kemurnian Islam tergambar dalam amalan bergotong-royong**

**F9** - **Semangat kerjasama menjadi budaya dalam masyarakat. Contohnya, kerja-kerja di ladang**

*Muka surat 183 - 185, & 188*

- 8(a) Jelaskan pengaruh Islam dalam sistem pentadbiran di Asia Tenggara.

[ 8 markah ]

**F1** - **Institusi kesultanan telah diperkenalkan dan diwarisi daripada amalan pemerintah kerajaan Abbasiyah di Baghdad dan kerajaan Turki Uthmaniyah**

**F2** - **Sultan sebagai ketua negara**

**F3** - **Mufti dilantik sebagai penasihat sultan dalam hal ehwal agama Islam dan pentadbiran negara**

**F4** - **Wujud pegawai dan petugas seperti kadi,khatib dan bilal, pemungut zakat,penyelia Baitulmal dan penjaga harta wakaf**

**F5** - **Gelaran sultan mengukuhkan kedudukan Islam di alam Melayu dan menjamin kewibawaan raja**

**F6** - **Gelaran khalifatul Mukminin yang bererti pemimpin orang mukmin/gelaran Zilullah fil Alam bermaksud bayangan Allah di muka bumi juga digunakan oleh raja-raja Melaka.**

**F7** - **Islam dijadikan agama rasmi oleh Kerajaan Islam di Asia Tenggara seperti Melaka, Acheh dan Brunei**

**F8** - **Unsur Islam juga diserapkan pada nama negeri. Contohnya, Acheh Darul Salam.**

**F9** - **Nama raja juga menggunakan nama Islam seperti Sultan Mansur Syah.**

**F10** - **Undang-undang Syariah diperkenalkan . Contohnya ,Undang-undang Syariah dalam Hukum Kanun Melaka.**

**F11** - **Di Acheh, terdapat Kanun Mahkota Alam yang mempunyai ciri-ciri sebuah perlombongan Islam.**

**F12** - **Menggerakkan semangat jihad di kalangan rakyat untuk menentang penjajah.**

- (b) Jelaskan peranan bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat Melayu.

[ 5 markah ]

**F1** - **Bahasa Melayu telah berkembang menjadi lingua-franca bagi kepulauan Melayu**



- F2 - Menjadi bahasa ilmu pengetahuan  
 F3 - Digunakan untuk menyampaikan cerita-cerita panji yang ditulis dalam bahasa Jawa  
 F4 - Penggunaan bahasa Melayu tidak terhad dalam bidang ilmu tetapi dalam perdagangan  
 F5 - Menjadi bahasa istana  
 F6 - Menjadi bahasa surat-menyerat  
 F7 - Menjadi bahasa perhubungan antara wilayah  
 F8 - Menjadi bahasa untuk berdakwah  
 F9 - Menjadi bahasa pengajaran dan pembelajaran
- (c) Jelaskan peranan yang dilakukan oleh mubaligh dalam menyibarkan agama Islam di Asia Tenggara.

[ 7 markah ]

|     |   |
|-----|---|
| F1  | - Menunjukkan sifat / keperibadian yang baik dan berakhhlak mulia                         |
| H1a | - Menjadi contoh, tauladan dan ikutan penduduk tempatan                                   |
| F2  | - Mengajar secara tidak formal  |
| H2a | - Mengajar Al Quran di surau  |
| H2b | - Melalui contoh dan tauladan yang baik   |
| H2c | - Tingkah laku , perbuatan dan pergaulan yang baik  |
| F3  | - Mengajar secara formal di institusi pendidikan awal                                     |
| H3a | - Mengajar mengaji  |
| H3b | - Mengajar asas ilmu agama  |
| H3c | - Mengajar di masjid, surau dan rumah mubaligh  |
| F4  | - Menasihati raja dalam bidang politik dan pentadbiran                                    |
| H4a | - Membicarakan hukum Islam dengan Sultan dan pembesar negeri                              |
| H4b | - Menyampaikan ilmu pengetahuan Islam dan menasihati Sultan                               |
| F5  | - Mengajar ilmu agama di pusat pendidikan   |
| H5a | - Mengajar ilmu Fikah / Usuludin / Tasauf / Hadis / tafsir / Bahasa Arab                  |
| H5b | - Mengajai di Sekolah pondok / Pesantren / Dayah  |
| F6  | - Mubaligh juga membangkitkan kesedaran kepada masyarakat                                 |
| H6a | - Kesedaran tentang bekerja dan beramal dalam ertikata Islam sebenar                      |
| H6b | - Mengikis sikap malas untuk menghapuskan pengangguran                                    |
| H6c | - Mengelakan cara hidup mewah dan membazir  |
| H6d | - Peranan / ajaran wali Songo di Pulau Jawa   |
| F7  | - Lahir beberapa ulama tempatan   |
| H7a | - Ulama terkenal seperti Hamzah Al Fansuri / Shamsudin Al Sumaterani / Abdul Rauf Singkel |

## BAB 8 : PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

### Item Struktur

Muka Surat 201 - 203

- 1 Pendidikan merupakan aspek sosial yang sangat penting dalam masyarakat Melayu.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendidikan tidak formal ?
- Pendidikan awal
  - Asuhan yang berlaku dalam institusi keluarga
  - Berlaku pada peringkat keluarga



- penekanan terhadap nilai-nilai moral
- pembelajaran melalui pendengaran/penglihatan/pemerhatian kanak-kanak
- mempelajari kemahiran/pertanian /perikanan/kraftangan/pertukangan daripada ibubapa melalui pemerhatian
- Ibubapa mengajar anak-anak tentang hal yang berhubungan dengan agama/ kelakuan/adat resam/sikapsopan santun/cara berkawan/cara menjaga maruah
- diserapkan melalui cerita lisan/pantun/peribahasa/teka teki

[ 2 markah ]

(b) Senaraikan **dua** sekolah pondok yang berkembang di negeri-negeri Melayu.

- Pondok Pulau Condong
- Pondok Kutau
- Pondok Pulau Manis
- Pondok Titi Gajah
- Pondok Langgar

[ 2 markah ]

(c) Tuliskan **dua** tempat yang melaksanakan sistem pendidikan formal yang menekankan pendidikan keagamaan.

- istana
- masjid
- rumah
- surau
- madrasah
- pondok

[ 2 markah ]

(d) Nyatakan **dua** fungsi istana sebagai pusat pendidikan.

- pusat pendidikan/pengajian berkaitan keagamaan
- tempat menyimpan buku hikayat yang penting/Hikayat Amir Hamzah/Hikayat Muhamad Ali Hanafiah
- pusat pengajian berkaitan hal pentadbiran negara
- pusat pengajian berkaitan sistem politik

[ 2 markah ]

(e) Apakah **dua** ciri sistem pendidikan madrasah?

- mula diperkenalkan pada zaman khalifah Bani Saljuk/Iraq
- berdasarkan sukanan pelajaran
- dilaksanakan secara kelas
- pendidikan mengikut tahap
- terdapat tiga tahap/permulaan /pertengahan/pengkhususan
- diawasi oleh mudir/guru besar
- perjalanan madrasah diselia oleh sebuah lembaga/jawatankuasa kewangan

[ 2 markah ]

Muka Surat 210

2

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah memberi kesan ke atas penggunaan matawang.

(a) Berikan **dua** ciri wang katun diJohor.



Nag2oO9

- Berbentuk bulat
- Berbentuk segi enam
- Tidak mempunyai tarikh
- Mempunyai tulisan jawi
- Mempunyai tulisan Arab

[ 2 markah]

(b) Namakan **dua** matawang emas Kelantan.

- Kijang
- Kupang

[ 2 markah ]

(c) Nyatakan **tiga** ciri matawang timah di Kedah yang telah digunakan sejak abad ke-17.

- Untuk kegunaan tempatan
- Berbentuk seekor ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin
- Boleh dipatahkan
- Boleh digunakan secara berasingan

[ 3 markah ]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan kepentingan penggunaan matawang.

- Sebagai perantaraan nilai barang
- Memudahkan urusan perdagangan
- Memudahkan urusan jualbeli
- Alternatif kepada sistem pertukaran barang/barter

[3 markah ]

*Muka Surat 198 - 200*3(a) Namakan **dua** negeri yang menggunakan Adat Pepatih di Tanah Melayu.

- Negeri Sembilan
- Naning
- Utara, Melaka

[ 1 markah ]

(b) Berikan **dua** ciri Adat Pepatih.

- Digunakan oleh orang Melayu Minangkabau/di negeri Sembilan / Naning, Utara Melaka
- Penyelesaian masalah melalui musyawarah
- Mengutamakan jurai sebelah ibu/bersifat matrilineal
- Ahli setiap suku tidak dibenarkan berkahwin dengan suku yang sama
- Anak perempuan diberi hak mewarisi harta
- Diasaskan oleh Datuk Pepatih Nan Sebatang
- Berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera

[ 2 markah ]

(c) Nyatakan **dua** contoh Undang-undang bertulis yang menjadi peraturan atau hukum masyarakat Melayu.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Pahang
- Undang-undang Kedah
- Undang-undang Perak



- Undang-undang Johor

[ 2 markah ]

(d) Nyatakan tiga ciri adat Temenggung

- Diasaskan oleh Datuk Ketumanggungan asal dari Palembang, Sumatera
- Sistem patrilineal/mementingkan jurai keturunan bapa
- Anak lelaki lebih diutamakan daripada anak perempuan dalam pembahagian harta pusaka
- Pembahagian harta pusaka bertepatan dengan hukum faraid dalam Islam
- Dalam perkahwinan seseorang individu bebas untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan pilihannya asalkan tidak melanggar ketetapan hukum Islam
- Pada mulanya adat ini dipengaruhi oleh ajaran Hindu
- Disesuaikan dengan ajaran Islam oleh mazhab syafie

[ 3 markah ]

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan kepentingan sistem perundangan.

- Menjamin keharmonian hidup sesebuah masyarakat
- Menjadikan perjalanan masyarakat tersusun
- Menentukan hukuman tentang kesalahan yang dilakukan

[ 2 markah ]

### Item Esei

Muka Surat 210-211

1 Penggunaan matawang merupakan satu alternatif kepada sistem pertukaran barang yang telah diperaktikkan dalam masyarakat tradisional.

(a) Nyatakan perkembangan sistem matawang era pemerintahan kerajaan Melayu tradisional.

[ 8 markah ]

- F1 - Umumnya Negeri-Negeri Melayu (NNM) menggunakan matawang yang diperbuat daripada timah
- F2 - NNM juga menggunakan matawang yang diperbuat daripada emas
- F3 - Matawang timah pada zaman Melaka berbentuk bulat/berat satu kati lapan tahir
- F4 - Nama sultan/tarikh Islam dicatat pada matawang tersebut
- F5 - Matawang dari Pasai/Hormuz/Cambay juga digunakan di Melaka/boleh ditukar dengan matawang tempatan
- F6 - Di Johor, terdapat matawang diperbuat daripada bijih timah
- F7 - Dikenali sebagai katun/berbentuk bulat/segi enam
- F8 - Kedah mengeluarkan matawang timah sendiri untuk kegunaan tempatan
- F9 - wang timah Kedah berbentuk seekor ayam jantan hingga di atas beberapa cincin
- F10 - Matawang Kedah boleh dipatahkan/digunakan berasingan
- F11 - Matawang emas digunakan secara meluas di Kedah dan Johor pada abad ke 16
- F12 - Matawang emas Johor yang tertua dikenal pasti tarikh 1527/pada zaman pemerintahan sultan Alauddin Riayat Shah
- F13 - wang emas Johor digelar kupang
- F14 - Kupang Johor mempunyai emas seberat 10 grain / 40 grain
- F15 - wang emas Kelantan dikenali sebagai kijang/terdapat kijang pada mukanya
- F16 - Setiap wang emas terdiri nama dan pangkat sultan yang memerintah/yang mengeluarkan matawang tersebut
- F17 - Dibahagian belakang tertulis gelaran sultan/Khalifatul muslimin



- (b) Nyatakan sistem percukaian yang dilaksanakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.  
[ 5 markah ]

- F1 - Para pedagang yang berdagang diwajibkan membayar cukai terhadap barang dagangan mereka sebelum urusan perniagaan dilakukan
- F2 - Cukai paling asas ialah cukai tetap/cukai impot
- F3 - Pedagang yang datang dari India / Ceylon/Tanah Arab /Siam/Pegu dikenakan cukaisebanyak 6% daripada jumlah barang yang dibawa
- F4 - Pedagang dari Jepun/China dikenakan cukai sebanyak 5%
- F5 - Beras dan makanan tidak dikenakan cukai
- F6 - Setelah cuka dibayar, barulah urusan jualbeli dapat dilakukan di bazar-bazar disediakan di sepanjang Sg Melaka
- F7 - Orang asing dari kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja sebanyak 3 %
- F8 - Orang asing yang menetap di Melaka dikenakan cukaisebanyak 6 %
- F9 - Amalan riba tidak dibenarkan dalam bidang perniagaan dalam kalangan orang Islam
- F10 - Golongan ceti yang memberikan pinjaman wang diizinkan
- F11 - Orang kaya dan orang berkemampuan dikehendaki membayar zakat
- F12 - Baitulmal berfungsi mengutip /menyimpan zakat /menyelenggara harta kerajaan

- (c) Nyatakan perkembangan aktiviti perdagangan di Tanah Melayu sebelum kedatangan Barat.

[ 7 markah ]

- F1 - Sejak abad ke 12 hingga abad ke 18 aktiviti perdagangan yang membabitkan Lautan Hindi dan Laut China Selatan dikuasai oleh pedagang Islam
- F2 - Pengaruh perdagangan amat kuat terhadap umat Islam kerana Nabi Muhammad terlibat secara langsung dalam perdagangan
- F3 - Menjelang abad ke 15, Melaka menjadi pusat perdagangan yang strategik iaitu terletak di laluan timur dan barat yang turut melibatkan pedagang Islam
- F4 - Pelabuhan Melaka mempunyai pelabuhan lengkap kepada pedagang asing
- F5 - Jawatan Laksamana diwujudkan untuk membantu menguruskan hal kelautan
- F6 - Syahbandar pula menjadi ketua pelabuhan
- F7 - Undang-undang Laut Melaka digubal dan harus dipatuhi oleh masyarakat
- F8 - UULM membantu menentukan tugas nakhoda, jurumudi
- F9 - Melaka dikunjungi oleh ramai pedagang asing dari seluruh dunia
- F10 - Tidak kurang 84 bahasa dipertuturkan di Melaka
- F11 - Melaka turut memperkenalkan sistem timbang dan sukat spt sistem kati dan tahil
- F12 - Barang yang ditimbang menggunakan sistem ini ialah emas/perak/bahan wangian batu permata
- F13 - Rempah ratus/lada/buah pala/bunga cengklik/bunga lawang menggunakan sistem bahara
- F14 - Timbangan dilakukan dengan menggunakan sistem dachim(dacing)
- F15 - Dalam urusan perdagangan, dua kaedah yang digunakan ialah tukar barang/jual beli
- F16 - Kejatuhan Melaka kepada Portugis telah mengalih perkembangan perdagangan ke Johor/Kedah/Kelantan /Terengganu

Muka Surat 200 - 206

2

Selain membawa perubahan terhadap sistem pentadbiran dan perundungan, kedatangan Islam juga telah membawa kesan yang sama terhadap kesenian dan kesusastraan

- (a) Bincangkan pengaruh Islam dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.



[ 6 markah ]

- F1 - Golongan raja mula menitiberatkan konsep Islam
- F2 - Istilah bagi sultan menggunakan istilah Zilullah fil alam/zilullah fil ard/ bayangan Allah di muka bumi
- F3 - Konsep ini menjadi teras institusi raja/memberikan pengesahan terhadap kewibawaan seorang raja
- F4 - Pemerintah menggunakan gelaran khalifatul mukminin
- F5 - Digunakan oleh Sultan Mahmud Shah /Sultan Abdul Ghafur
- F6 - Menggunakan gelaran khalifah bermakna memimpin orang Islam
- F7 - Tokoh Islam seperti Iskandar Zulkarnain dirujuk sebagai asas nasab keturunan sultan
- F8 - Rujukan ini telah meninggikan kedudukan seseorang raja/sultan
- F9 - Institusi sultan di Tanah Melayu kekal sebagai institusi berdasarkan warisan
- F10 - Sistem perwarisan meletakkan raja/sultan sebagai kuasateringgi dalam sistem pemerintahan / pentadbiran
- F11 - Sultan mendapat nasihat dari golongan ulama
- F12 - Konsep daulat digunakan
- F13 - Konsep daulat mengangkat kedudukan seseorang raja atau sultan ke tahap yang tinggi/ untuk menimbulkan kehormatan rakyat
- F14 - Adat istiadat seperti berpakaian / bahasa / pengucapan/ tingkah laku diwujudkan bagi mengukuhkan konsep daulat
- F15 - Adat pertabalan menggambarkan kedaulatan seseorang sultan

- (b) Bagaimanakah Hukum Kanun Melaka dapat mencorakkan perjalanan pemerintahan kerajaan.

[ 4 markah ]

- F1 - Menjelaskan tanggungjawab raja dan pembesar
- F2 - Menjelaskan tentang pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat
- F3 - Menjelaskan bentuk hukuman terhadap kesalahan jenayah
- F4 - Menjelaskan undang-undang keluarga
- F5 - Menjelaskan permasalahan ibadah
- F6 - Menjelaskan jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan tertentu

- (c) Bincangkan pengaruh Islam dalam bidang bahasa dan senibina pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

[ 10 markah ]

- F1 - Pengaruh Islam yang paling ketara ialah tulisan jawi
- F2 - Kedatangan Islam memperkenalkan huruf Arab
- F3 - Huruf Arab telah dibuat penyesuaian dengan tulisan Melayu
- F4 - Tulisan ini dikenali sebagai tulisan jawi
- F5 - Tulisan Jawi menjadi saluran utama untuk pembacaan / penulisan
- F6 - Tulisan Jawi membawa perubahan yang besar kepada masyarakat Melayu
- F7 - Tulisan Jawi menjadi hak milik orang Melayu
- F8 - Perbendaharaan kata bahasa Melayu bertambah dengan bertambahnya istilah baru daripada bahasa Arab /bahasa al Quran
- F9 - adat, adil, daulat, hakim, hukum
- F10 - Istilah untuk bidang lain juga tersebar
- F11 - Fekah/tauhid/tafsir
- F12 - Binaan utama masyarakat Islam ialah masjid
- F13 - Masjid menjadi tumpuan masyarakat sebagai tempat menunaikan solat dan perkumpulan sosial
- F14 - Masjid mempunyai ciri khas /mihrab/mimbar/telaga/pancur air/bumbung khusus
- F15 - Ciri khas inimembezakan masjid daripada binaan lain
- F16 - Cita rasa seni orang Melayu turut dipaparkan melalui rumah/istana
- F17 - Istana sultan dibina dengan indah yang dilengkapi balairong dan tempat bersemayam



- F18** - Istana Melaka  
**F19** - Binaan rumah/istana dilengkapidengan berbagai hiasan dalaman  
**F20** - Motif ukiran berdasarkan motif tumbuhan/bungaan/geometri

*Muka Surat 206 - 207*

- 3 Selain membawa pembaharuan terhadap kesenian,kedatangan Islam ke Tanah Melayu juga membawa kesan terhadap gaya hidup.
- (a) Sejauh manakah gaya hidup golongan pemerintah dan rakyat jelata di Tanah Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur Islam.

[ 10 markah ]

- F1** - Bermula daripada perubahan prinsip kepercayaan/akidah membawa kepada syariah dan akhlak  
